

Jilid I
Bil. 23



Hari Khamis
6hb November, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3069]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1987 [Ruangan 3106]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1987 [Ruangan 3106]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- „ Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR. SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATOK KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.I.S., A.M.N. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).

Yang Berhormat TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N.,
B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak
Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA,
P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N.,
A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).

Yang Berhormat TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* Paul Pansai (Kota Belud).
- „ TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

Yang Berhormat TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPRING (Marudu).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).

Yang Berhormat TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 6hb November, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

SISTEM TELEFON ATUR

1. Tuan James Jimbun anak Punga minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah dalam Rancangan Malaysia Kelima Kerajaan bercadang untuk menyediakan kemudahan Sistem Telefon ATUR ini di kawasan persisiran, Bahagian Ketujuh di Ng. Merit, Ng. Antawau dan Ng. Bangkit, Sarawak untuk kemudahan perkhidmatan perhubungan telefon kepada kawasan persisiran.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Zainal Abidin bin Zin): Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Telekom tidak mempunyai rancangan untuk membekalkan perkhidmatan ATUR di kawasan persisiran Bahagian Ketujuh di Ng. Merit, Ng. Antawau dan Ng. Bangkit di Sarawak kerana penduduk-penduduk di kawasan-kawasan berkenaan sekarang ini boleh menggunakan perkhidmatan telefon Jabatan Telekom Malaysia melalui sistem HF Radio Call.

HOSPITAL DI SABAH—PER-
KHIDMATAN

2. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki perkhidmatan hospital di Sabah dan berapakah peruntukan yang diberi untuk pembinaan hospital atau klinik yang baru untuk meningkatkan mutu peralatan dan kemudahan-kemudahan hospital bagi kesihatan rakyat amnya.

Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan mengambil perhatian berat atas perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi untuk semua hospital-hospital termasuklah hospital-hospital di Sabah.

Langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbaiki perkhidmatan hospital di Sabah termasuklah memperbaiki kemudahan fizikal, menambah kelengkapan dan latihan kepada kakitangan-kakitangan supaya mereka dapat menjalankan perkhidmatan dengan cekap.

Dari peruntukan Anggaran Belanja Mengurus tahun 1986, sebanyak \$2.45 juta telah diperuntukkan bagi memperbaiki hospital-hospital di Sabah. Selain daripada itu \$2.5 juta telah dikhaskan membeli kelengkapan yang baru atau untuk menggantikan yang ada. Tambahan pula \$200,000 telah dibelanjakan untuk membeli 6 buah kenderaan bagi hospital-hospital.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelima, negeri Sabah telah diperuntukkan sejumlah \$65 juta. Daripada itu, \$9.6 juta adalah untuk membina hospital baru, \$10.35 juta untuk membaiki hospital dan \$32.9 juta untuk Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar yang termasuk \$20.37 juta untuk membina Klinik Desa dan Pusat Kesihatan baru di kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Daripada jumlah peruntukan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi, berapakah jumlah sebenar bangunan-bangunan hospital dan klinik-klinik yang akan didirikan di Sabah?

Yang kedua, daripada rancangan pembangunan hospital yang akan didirikan dalam Rancangan Malaysia Kelima ini, sama ada Kerajaan mempunyai cukup kakitangan seperti doktor, nurses dan sebagainya sebagai persiapan apabila bangunan-bangunan hospital dan klinik-klinik ini siap kelak?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang saya umumkan tadi untuk negeri Sabah, yang pertama untuk hospital baru dan untuk Klinik-klinik Desa dan Klinik-klinik Pusat jumlah bilangan projek ialah 50. Jadi bilangan-bilangan ini sungguhpun saya rasakan tidak mencukupi tetapi dalam keadaan ekonomi sekarang kita rasakan bolehlah memadai untuk sementara.

Berkenaan dengan kakitangan-kakitangan sama ada mencukupi atau tidak untuk menjalankan tugas masing-masing, kita merasa dengan apa yang kita telah rancangkan, bolehlah mencukupi untuk menjalankan tugas masing-masing.

Tuan Abdul Mulok Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, soalan

tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Kesihatan memberitahu apakah kriteria-kriteria yang digunakan untuk membekalkan peralatan perubatan yang lebih sofistikated seperti mesin-mesin penganalisa dan mesin X-ray kerana banyak kes-kes dari hospital-hospital lama di daerah-daerah pedalaman di Sabah terpaksa merujukkan kerja penganalisaan ke Hospital Ratu Elizabeth, Kota Kinabalu?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, kriteria atau garis panduan untuk kita mengutamakan sesuatu perkara berkenaan dengan kesihatan atau perubatan tentulah tekanan atau keutamaannya adalah diberi kepada kawasan-kawasan luar bandar. Jadi dengan apa yang kita telah mengadakan di dalam bandar-bandar besar atau Ibu Kota dan sebagainya, peringkat demi peringkat kita akan dapat sebarkan kepada luar bandar. Tetapi buat masa sekarang khasnya di negeri Sarawak dan Sabah, kita bolehlah menumpukan kepada bandar besar dahulu dan kemudian kita akan cuba menyebarkan kepada kawasan-kawasan luar bandar. Inilah strategi dan juga cadangannya.

PROTON SAGA—PENURUNAN HARGA

3. Tuan Mohamad bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan sejak harga kereta Proton Saga dinaikkan didapati penjualannya adalah berkurangan. Adakah ini benar, kalau benar apakah Kerajaan bercadang untuk menurunkan semula harga kereta tersebut supaya penjualannya meningkat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul Ajib bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, harga jualan Kereta Nasional Malaysia, Proton Saga, telah dinaikkan mulai 1hb Julai, 1986.

Memang benar bahawa jualan Proton Saga telah berkurangan pada peringkat permulaan harganya dinaikkan di dalam pasaran. Walau bagaimanapun, mulai bulan September, permintaan serta jualan Proton Saga ini telah meningkat. PROTON dan EON yakin bahawa trend ini akan berterusan pada masa-masa akan datang.

Sayogia dimaklumkan bahawa sungguhpun harga Proton Saga dinaikkan, ianya masih lagi mampu bersaing (competitive), dengan izin, sekiranya dibandingkan dengan kereta-kereta yang lain dalam kelas yang sama iaitu yang mempunyai kuasa enjin 1,600 c.c. ke bawah. Penjualan Proton Saga, malahan pasaran kereta keseluruhannya, turut terjejas kerana keadaan ekonomi yang lembab. Keadaan ini saya percaya akan bertambah jelas sekiranya kita mengambil angka jualan bulan Januari dan dibandingkan dengan bulan Ogos tahun ini. Pada bulan Januari, sebanyak 2,563 unit Proton Saga telah dijual. Bahagian pasaran Proton Saga bagi kereta yang mempunyai kuasa enjin 1,600 c.c. ke bawah ialah 41.6%. Bagi bulan Ogos walaupun sebanyak 547 unit Proton Saga sahaja yang telah dijual, Bahagian pasaran Proton Saga masih kekal pada paras 41.4%.

Setakat masa ini, tidak ada cadangan untuk menurunkan semula harga kereta Proton Saga.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, sama ada beliau sedar bahawa masalah yang dialami oleh Kereta Nasional di negara kita ialah, yang pertama, mengenai kos pengeluaran, dengan izin, production cost yang tinggi dan juga pasaran yang kecil. Suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada beliau dapat memberi penjelasan yang lebih lanjut tentang apakah strategi yang diambil untuk menghadapi kedua-dua masalah

ini dan khususnya tentang apakah langkah yang kita telah dapat mengambil sehingga hari ini mengenai memperbesarkan pasaran eksport untuk Kereta Nasional kita?

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu usaha yang baru, sudah tentulah kos bagi pengeluaran kereta ini merupakan satu kos yang tinggi. Tetapi dari masa ke semasa pihak HICOM telah pun mengambil langkah untuk meningkatkan produktiviti dan beberapa langkah yang lain dari segi pengeluaran (production) untuk mengurangkan kos, walaupun saya tidak dapat memberi angka yang setepatnya, beberapa pencapaian telah terdapat di dalam bidang ini. Yang menjadi masalah, seperti mana yang saya ceritakan tadi, ialah soal pasaran.

Yang pertama, dari segi pasaran tempatan, yang mana kalau kita lihat pasaran kereta daripada tahun 1980 keseluruhannya sampai pada tahun 1986 ini, kita akan melihat satu trend yang menunjukkan misalnya pada tahun 1980 pasaran kereta lebih kurang 80,000 unit setahun, lepas itu meningkat kepada 90,000 unit dan yang paling tinggi sekali ialah 96,000 unit setahun dapat kita luaskan dalam tahun 1983.

Bermula daripada tahun 1984, sudah menurun kepada 60,000 unit setahun; 1985 menurun pula kepada 45,000 unit dan dijangka pada tahun hadapan akan susut pada paras 35,000 kereta yang boleh dijual dalam tempoh setahun. Itulah masalah yang besar dan yang dihadapi oleh pihak Proton Saga dalam pemasaran.

Di dalam pemasaran yang susut ini, pihak Proton Saga telah dapat menguasai pasaran dengan baik dan pada satu peringkat tahun ini di dalam bulan Mei dan Jun, pasaran yang dikuasai oleh Proton Saga hampir lebih kurang 66% dalam kelas yang sama

tetapi telah menurun sedikit pada masa-masa berikutnya, mengikut juga dengan trend pasaran yang dihadapi pada masa ini. Itulah masalah yang sebenarnya. Usaha-usaha untuk memasarkan pasaran di peringkat tempatan akan dijalankan oleh pihak EON dengan langkah-langkah pemasaran yang lebih agresif lagi di dalam beberapa bulan yang akan datang ini dan usaha untuk memajukan pasaran kereta Proton Saga ke luar negeri ini sentiasa diambil perhatian, tetapi beberapa perkara terpaksa diambil kira dahulu sebelum dapat kita menembusi pasaran asing.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan harga jualan Proton Saga sekarang dan di mana kita ketahui bahawa kereta ini juga dibuat di negara kita, kenapakah harganya tidak jauh berbeza dengan jenis kereta yang diimport dari luar negeri?

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya sebutkan tadi, perusahaan Kereta Nasional ini merupakan satu perusahaan yang baru. Selagi pasaran belum dapat diperluaskan dan pengeluaran dapat dipertingkatkan kepada peringkat yang optima seperti mana yang telah dicapai oleh syarikat-syarikat kereta yang lain, sudah tentulah perbezaan harga ini tetap akan tinggal pada paras yang minima. Itupun merupakan satu kejayaan, kerana dapat kita mengurangkan harganya.

LAPANGAN TERBANG IPOH— MEMPERLUASKAN

4. Tuan P. Patto minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

(a) sama ada Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk meluaskan Lapangan Terbang Ipoh, jika ya, apa kerja-kerja meluas akan dilaksanakan;

(b) sama ada pertunjukan untuk kemudahan-kemudahan daratan malam (night landing) akan disediakan apabila kerja-kerja meluas itu siap kelak. Jika tidak, mengapa; dan

(c) Jumlah perbelanjaan kerja-kerja meluas dan bila kerja-kerja ini akan tamat.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan telah membuat satu kajian bagi memperluaskan dan mengubahsuaikan keadaan Lapangan Terbang Ipoh yang mempunyai sekatan fizikal. Kajian itu telah dibuat di awal tahun 80an dan telah mencadangkan supaya satu lapangan terbang baru perlu dibina.

Walau bagaimanapun, dengan mengambilkira perkembangan teknologi mengenai alat-alat pendaratan dan pandu arah, satu kajian yang dijalankan telah menunjukkan bahawa Lapangan Terbang Ipoh yang sedia ada boleh diubahsuai dengan mengadakan alat tersebut untuk membolehkan pendaratan pesawat jet seperti B737. Cadangan

mengubahsuaikan untuk mempertingkatkan lapangan terbang yang sedia ada telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Tetapi oleh kerana Kerajaan menghadapi kemelesetan ekonomi, tarikh pelaksanaan projek tersebut terpaksa dikaji semula dan belum lagi dapat ditentukan.

(b) Di bawah rancangan tersebut, kemudahan pendaratan pada waktu malam adalah merupakan

sebahagian daripada komponen projek tersebut.

- (c) Oleh kerana pelaksanaan projek ini mungkin akan diadakan secara berperingkat, anggaran kosnya bagi pelaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Kelima belum lagi dapat ditetapkan. Kerja-kerja hanya akan dapat dimulakan setelah peruntukan kewangan diperolehi.

Tuan P. Pato: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sama ada cadangan awal untuk mengadakan satu lapangan terbang baru sudahpun digugur sama sekali ataupun Kerajaan masih menimbang untuk mengadakan satu lagi lapangan terbang dalam negeri Perak.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, tadi telah saya katakan bahawa kajian telah pun dibuat maka perlaksanaannya akan dipertimbangkan mengikut keadaan. Tetapi oleh kerana keadaan kemelesetan ekonomi negara pada hari ini kita boleh mengubahsuai lapangan terbang Ipoh itu mengikut keadaannya. Jadi maknanya lapangan terbang baru jika hendak diadakan akan dilihat kepada keperluan masa akan datang.

PONDOK POLIS DI KAMPUNG-KAMPUNG SABAH

5. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa penduduk-penduduk kampung sangat memerlukan kawalan-kawalan keselamatan di kampung-kampung mereka khasnya di Pantai Timur Sabah di kampung-kampung yang jauh terpencil yang sentiasa

diserang dan diancam oleh lanun-lanun. Jika sedar, adakah Kementerian berkenaan bercadang untuk membina banyak lagi Pondok Polis di kampung-kampung khasnya di kampung Tanjung Pantau-pantau dalam daerah Semporna kerana kawasan tersebut sentiasa diserang lanun.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sememangnya sedar bahawa penduduk-penduduk kampung yang jauh terpencil di Pantai Timur Sabah adalah terdedah kepada ancaman dan serangan lanun dan mereka memerlukan kawalan keselamatan.

Untuk tujuan tersebut beberapa usaha dan langkah telah diambil oleh pihak polis termasuk menempatkan Unit-unit Polis Hutan di beberapa tempat yang terdedah kepada ancaman oleh lanun.

Di kampung Tanjong Pantau-Pantau seramai 12 orang anggota Pasukan Polis Hutan telah ditempatkan untuk menjalankan tugas mencegah lanun-lanun.

Satu unit anggota Pasukan Polis Hutan lagi telah ditempatkan di Pulau Omadal dan tujuh orang Pengakap Sempadan juga ditempatkan di Pulau Siamel iaitu sebuah pulau yang berdekatan dengan Tanjung Pantau-Pantau.

Selain anggota Pasukan Polis Hutan, 9 buah kapal-kapal merin polis adalah ditugaskan menjalankan rondaan-rondaan di kawasan Pantai Timur Sabah. Rondaan kapal-kapal merin polis ini mendapat bantuan dari sebuah kapal Tentera Laut Diraja Malaysia. Di samping itu sebuah pesawat Unit Udara juga sekarang ini sedang menjalankan rondaan di sepanjang Pantai Timur Negeri Sabah.

Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membanteras kegiatan lanun di kawasan yang berkenaan akan dipergiatkan selaras dengan kemampuan Kerajaan. Pondok-pondok polis akan dibina mengikut keperluan apabila keadaan mengizinkan.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya percaya ada lanun-lanun yang telah ditangkap. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dari manakah mereka itu berasal sekiranya ada yang telah ditangkap.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun tidak ada lanun-lanun yang kita tangkap oleh kerana mereka sempat lari, bagaimanapun kita mengetahui lanun-lanun tersebut sepertimana baru-baru ini yang kita dapat ketahui di Sandakan tujuh lelaki keturunan Sulu, Filipina.

Datuk Haji Sakaran bin Dandai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan kejadian rompakan di Beluran, Sandakan baru-baru ini adakah Yang Berhormat boleh menerangkan bagaimanakah keselamatan penduduk-penduduk di Beluran khasnya pihak-pihak yang telah dirompak oleh lanun-lanun ini dan berapa banyakkah harta benda yang telah lesap dirompak dan adakah kemalangan apa-apa di dalam rompakan ini.

Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak keselamatan; adakah pihak keselamatan mendapatkan kerjasama daripada pihak Kerajaan Filipina untuk membanteras lanun-lanun untuk keselamatan penduduk-penduduk kita di Pantai Timur di Sabah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, kejadian yang berlaku baru-baru ini iaitu pada tanggal 12hb Oktober, 1986 jam 4.00 pagi di Kampung Memahat Jambangan, Sugut, Sandakan, Sabah. Apa yang kita ketahui ialah tujuh lelaki Sulu keturunan Filipina dengan menggunakan 3 riffles M16 dengan izin, di pasang dengan rocket launcher; 2 laras riffles jenis "Gerrand"; tiada tembakan yang dilepaskan dan tiada siapa yang cedera; menggunakan satu bot bersayap panjang dan kerugian yang didapati ialah berjumlah \$37,980.

Tindakan atau di antara langkah-langkah keselamatan yang telah diambil oleh pihak keselamatan ialah menempatkan unit-unit Pasukan Polis Hutan di beberapa tempat di Pantai Timur Sabah yang sering diancam oleh lanun-lanun seperti:

Pulau Mabul,
Pulau Adal,
Pulau Bohidulang,
Pulau Larapan,
Pulau Sabangkat,
Pulau Matakın,
Pulau Kalapuan,
Pulau Siamel,
Pulau Dinawan,
Pulau Ganding-ganding,
Tanjung Labian,
Indra Sabak,
Lihak-lihak,
Welles Bay.

Kampung Tanjung Pantau-Pantau adalah terletak di Pulau Bumbum di mana satu seksyen seramai 12 orang anggota Polis Hutan ditempatkan untuk menjalankan tugas mencegah lanun-lanun. Selain daripada itu satu seksyen lagi anggota Pasukan Polis Hutan telah ditempatkan di Pulau Omadal yang berdekatan dengan Kampung Tanjung Pantau-Pantau itu.

Selain daripada anggota Pasukan Polis, kapal-kapal merin polis juga sentiasa menjalankan rondaan-rondaan di kawasan perairan Pantai Timur Sabah yang mana mengandungi hampir 164 buah pulau di mana 55 daripada pulau itu didiami oleh manusia.

Selain daripada itu merin polis juga dibantu oleh Kapal Tentera Laut dan juga oleh pesawat udara Polis sendiri. Buat masa ini kita tiada menghubungi pihak negara kedua untuk menjalankan penyiasatan di atas lanun-lanun tersebut.

PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI—SIKAP

6. Tuan Mohammed Yusoff bin Abdul Latiff minta Menteri Pelajaran menyatakan mengenai sikap sebahagian penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri yang melakukan provokasi terhadap Kerajaan sendiri. Apakah tugas pegawai hal ehwal pelajar di luar negeri dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil. Kerajaan mengharapkan tenaga pelajar-pelajar ini akan digunakan untuk membangunkan negara. Jika sekiranya sikap seperti ini ditunjukkan oleh pelajar-pelajar kita, adalah lebih menasabah Kerajaan mengurangkan penghantaran terlebih dahulu.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian Pelajaran tidak ada menerima aduan atau laporan mengenai pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di luar negeri yang bersikap sebagaimana yang dilaporkan oleh Yang Berhormat itu. Jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri telah berupaya mengawal gerak laku penuntut-penuntut yang disebutkan.

Di antara tugas-tugas Pegawai-pegawai Hal Ehwal Pelajar di Jabatan-jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri ialah:

- (i) menjaga hal ehwal kebajikan pelajar-pelajar Malaysia seperti mengawasi aktiviti-aktiviti sosial, sukan, keagamaan dan kebudayaan di kalangan mereka;
- (ii) menjadi penghubung di antara pelajar dengan agensi-agensi penganjur mereka;
- (iii) menjadi penghubung erat dengan institusi-institusi pelajaran tinggi di luar negeri;
- (iv) menyediakan maklumat-maklumat pelajar; dan
- (v) menyediakan laporan-laporan berhubung dengan isu-isu yang timbul dalam bidang pelajaran dan perkembangannya serta implikasinya terhadap kepentingan penganjur-penganjur dan kebajikan pendidikan penuntut-penuntut Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi mengatasi masalah pelajar-pelajar kita di seberang laut daripada dipengaruhi oleh anasir-anasir yang mengancam kepentingan agama dan negara. Di antara langkah-langkah tersebut ialah:

- (i) menubuhkan Jawatankuasa Hal Ehwal Pelajaran Luar Negeri di peringkat Kebangsaan;
- (ii) memperkemas dan memperkukuhkan jentera pentadbiran Jabatan Penuntut Malaysia untuk memberi perkhidmatan yang lebih berkesan;

- (iii) mengadakan kursus berorientasi dan reorientasi bagi semua pelajar;
- (iv) membekalkan berita dan maklumat dalam negeri kepada pelajar-pelajar;
- (v) menggalakkan pemimpin-pemimpin tanahair untuk berjumpa dan berdialog dengan pelajar-pelajar; dan
- (vi) menghantar pegawai-pegawai agama dan lain-lain pegawai khas yang berpengalaman dan berkebolehan untuk membimbing dan menasihati pelajar-pelajar kita itu.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran telah mengatakan bahawa tidak ada menerima apa-apa laporan mengenai pelajar-pelajar di luar negeri yang, sepertimana disoalkan, melakukan provokasi terhadap Kerajaan. Saya ingin tahu adakah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu hanya pelajar-pelajar yang ditaja oleh Kerajaan sahaja ataupun termasuk pelajar-pelajar yang pergi dengan pembiayaan keluarganya sendiri.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan ialah pelajar-pelajar yang ditaja oleh kita. Namun demikian ini mungkin juga termasuk pelajar-pelajar yang ditaja oleh mereka sendiri kerana laporan yang saya maksudkan ialah laporan rasmi di mana kita telah mengambil tindakan terhadap mereka.

Tuan Mohamed bin Isa: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setelah saya mendengar penjelasan diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang beliau tidak menerima laporan rasmi daripada mana-mana pihak

berhubung dengan kedudukan pelajar-pelajar kita yang melakukan provokasi terhadap Kerajaan dan negara, jadi saya suka untuk menyatakan dan mengemukakan soalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya dapat tahu, ada pelajar-pelajar daripada negara kita yang telah pergi belajar di negara jiran iaitu di Indonesia, khususnya di Medan, yang mereka ini pada awalnya pergi dengan perbelanjaan sendiri, tetapi akhirnya setelah mereka dapat masuk ke universiti di Medan, mereka ini mendapat scholarship daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Malaysia, tetapi mereka ini sentiasa melakukan provokasi terhadap. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila ringkas. Apakah soalnya?

Tuan Mohamed bin Isa: Saya ringkaskan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah sekiranya Kementerian Pelajaran menerima laporan rasmi berhubung dengan keadaan pelajar yang saya sebut tadi, Kerajaan sanggup untuk melakukan penyasatan terhadap pelajar-pelajar kita yang berada di Medan?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita menerima laporan rasmi seumpama itu, kita akan menyelidiki. Namun demikian, perlu saya jelaskan bahawa saya yakin mungkin ada perkara yang berlaku atau timbul yang didengar oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan mungkin orang lain, tetapi oleh kerana kita yakin yang pihak MSD ataupun Jabatan Pelajar-pelajar kita di Luar Negeri telah berjaya mengawal dan mengawasi aktiviti mereka, maka saya rasa mereka telah tidak sampai ke peringkat yang perlu diselidiki daripada kita. Insya Allah, mengenai apa yang disebut, kalau ada diberi laporan, kita akan mengambil tindakan.

RINGGIT MALAYSIA—NILAI

7. Drs Suleiman bin Mohamed minta Menteri Kewangan menyatakan nilai pertukaran matawang Malaysia pada masa ini jika dibandingkan dengan matawang asing seperti Singapura dan nyatakan sebab-sebab mengapa nilai ringgit kita sangat menurun sungguhpun jumlah rakyat Malaysia telah berkurangan pergi membeli-belah di Singapura. Apakah sebab nilai wang kita tidak perlu diturunkan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, nilai ringgit ditentukan berdasarkan kepada sekumpulan matawang negara-negara asing yang menjadi rakan dagangan utama Malaysia. Oleh itu nilainya akan berubah dari semasa ke semasa selaras dengan permintaan dan penawaran matawang tersebut di pasaran pertukaran matawang asing.

Setahun dua ini, ekonomi negara kita telah terjejas disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dunia yang telah menyebabkan kejatuhan dalam perolehan eksport negara. Oleh itu nilai ringgit telah jatuh berbanding dengan kebanyakan matawang asing. Dalam tempoh sepuluh bulan pertama tahun ini, nilai ringgit telah merosot sebanyak 7.9% terhadap dollar Amerika Syarikat dan 4.4% terhadap dollar Singapura. Nilai ringgit juga merosot sebanyak 26.6% terhadap Yen Jepun, 24% terhadap Deutschemark dan 6.5% terhadap Paun Sterling. Berbanding dengan ekonomi Malaysia, ekonomi negara-negara tersebut telah mencapai prestasi yang lebih baik.

Nilai ringgit telah berkurangan terhadap Yen Jepun disebabkan oleh lebihan dagangan Jepun yang besar yang telah membawa kepada peningkatan dalam nilai Yen terhadap kebanyakan matawang utama.

Penurunan nilai ringgit terhadap Deutschemark adalah disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi Jerman Barat yang kukuh, kadar inflasi yang rendah serta peningkatan kadar faedah jangka pendek di Jerman Barat. Nilai ringgit tidak menurun pada kadar yang begitu besar terhadap dollar Amerika Syarikat kerana kelemahan nilai dollar Amerika. Ini adalah akibat daripada defisit dalam Belanjawan dan imbalan pembayaran negara tersebut. Nilai dollar Singapura adalah lebih kukuh dari nilai ringgit kita, kerana prestasi ekonomi Singapura lebih baik daripada prestasi ekonomi negara kita.

Nilai wang kita tidak perlu diturunkan kerana ianya ditetapkan oleh faktor-faktor pasaran. Pihak Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia mengamalkan dasar mengawal spekulasi ke atas ringgit dari semasa ke semasa bagi menentukan kestabilan nilai ringgit dapat dikekalkan. Dalam tempoh jangka panjang nilai ringgit akan ditentukan oleh keadaan penawaran dan permintaan dalam pasaran pertukaran wang asing.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya nilai-nilai matawang adalah bergantung dengan Budget sama ada defisit ataupun lain. Soalan saya ialah sejauh manakah nilai-nilai matawang ringgit telah diturunkan akibat dari hutang-hutang kita yang telah meningkat sehingga \$7,000 juta? Apa kaitannya antara nilai-nilai matawang dengan debt yang begitu tinggi?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan nilai matawang bergantung kepada Budget. Saya mengatakan nilai matawang kita bergantung kepada keadaan ekonomi. Itu yang pertama. Yang kedua, hutang Kerajaan kita bukan \$7,000 juta, tetapi \$67,000 juta (*Tepuk*).

HOSPITAL BESAR ALOR SETAR— PERISTIWA

8. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sudahkah Kementerian menjalankan siasatan mengenai sebab-sebab berlakunya peristiwa menghempas seorang kanak-kanak kecil di Hospital Besar Alor Setar pada bulan Ogos yang lalu. Jika sudah, apakah punca-puncunya; dan
- (b) apakah tindakan yang akan diambil jika sekiranya kejadian itu berpunca dari kecuaiian dan tindakan lanjut bagi memastikan perkara seperti itu tidak berlaku lagi di semua hospital.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telah selesai menjalankan penyiasatan mengenai kejadian menghempas seorang bayi di Hospital Besar Alor Setar, yang berlaku dalam bulan Ogos lalu. Kementerian kesal kejadian ini telah berlaku. Tetapi memandangkan hasil penyiasatan yang dijalankan itu mempunyai implikasi undang-undang dan supaya ianya tidak memprejudiskan kedudukan mana-mana pihak dalam penyiasatan Polis, saya rasa adalah belum kena pada tempatnya sekarang, untuk saya membuat sebarang pengumuman atas perkara tersebut dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, apakah peranan Kementerian Kesihatan untuk memastikan perkara yang malang itu tidak berulang lagi?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, memang langkah-langkah telah diambil.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Kejadian yang berlaku di Alor Setar ini, bukan sahaja di Alor Setar tetapi juga, saya rasa selalu kita dengar, di Melaka dan lain-lain tempat dan imej Kementerian Kesihatan kalau sekiranya perkara ini berterusan akan rendah di pandangan rakyat. Jadi, apakah usaha-usaha yang dibuat untuk mengurangkan kejadian-kejadian ataupun kecuaiian-kecuaiian yang tidak diingini ini? Walaupun laporan tersebut telah dibuat, Yang Berhormat, tetapi kalau sekiranya kita mengikut laporan-laporan akhbar, seolah-olahnya pihak Kementerian Kesihatan yang terlibat dalam kecuaiian dan bukan pihak orang ramai. Jadi, apakah langkah-langkah yang diambil secara keseluruhan—kalau sekiranya tidak mahu jawab dari segi Malaysia, jawab dari segi Alor Setar untuk mengurangkan masalah-masalah ini. (*Ketawa*)

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjawab merangkumi seluruh Malaysia.

Pihak Kementerian Kesihatan memang sentiasa menjaga dan juga sekurang-kurangnya mengurangkan kecuaiian, jikalau ada. Jadi, kita sentiasa mengawal, mengesan supaya dari segi tanggungjawab, dari segi menjalankan tugas kakitangan-kakitangan dan juga pegawai-pegawainya mestilah mengadakan disiplin yang tinggi dan jikalau mereka itu ada melanggar peraturan, tanggungjawab atau tugas mereka masing-masing, mereka tentulah akan menghadapi tindakan tatatertib.

MARDI—KAJIAN TEKNOLOGI MAKANAN

9. Tuan Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kajian-kajian yang telah dijalankan oleh MARDI terutamanya dalam bidang teknologi

makanan tidak tersebar dan tidak dapat dinikmati oleh penduduk luar bandar. Jika ia, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, MARDI ialah satu Institut Penyelidikan, dengan itu ianya tidak melibatkan diri sepenuhnya bagi kegiatan perkembangan ke atas segala hasil-hasil penyelidikannya kepada penduduk-penduduk luar bandar secara menyeluruh. Sebagai satu Institusi Penyelidikan, MARDI menjalankan kerja-kerja penyelidikan asas dan juga gunaan, dengan izin, basic and applied research.

Penyelidikan asas perkembangan MARDI menjalankan kegiatan untuk mencari kaedah-kaedah baru di dalam bidang pertanian untuk masa sekarang dan pada masa-masa yang akan datang yang berunsurkan penyelidikan kursus yang hanya boleh dipraktikkan pada masa-masa akan datang. Adakalanya penyelidikan asas ini mungkin tidak dapat dipraktikkan buat keadaan semasa, tetapi ini tidak bermakna pengetahuan yang didapati akan terbuang begitu sahaja.

Di dalam bidang penyelidikan gunaan MARDI menjalankan eksperimen untuk mencari jalan baru bagi mengatasi masalah-masalah tertentu dengan hasil cara-cara untuk mengatasi kaedah yang sedia ada. Jika MARDI berjaya ke atas penyelidikan ini disarankan kepada agensi-agensi di dalam Kementerian tertentu untuk disampaikan kepada petani-petani. Agensi-agensi ini adalah seperti berikut:

- (a) Jabatan Pertanian
- (b) Jabatan Perkhidmatan Haiwan
- (c) FAMA
- (d) MADA

- (e) KADA
- (f) LPP
- (g) KEDA
- (h) KEMAS
- (i) RISDA
- (j) LKIM
- (k) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

MARDI akan melibatkan diri ke atas permohonan-permohonan yang dipinta oleh agensi tertentu untuk menunjukkan kaedah-kaedah baru ataupun teknik baru kepada kumpulan sasaran yang tertentu. Beberapa keputusan penyelidikan yang disampaikan kepada petani melalui agensi-agensi tersebut adalah seperti berikut:

- (i) teknologi penanaman, pengendalian dan pengeksporan pisang emas;
- (ii) teknologi pemerosesan buah-buahan seperti kerepek, halwa, jeruk dan lain-lain;
- (iii) teknologi pengetinan makanan;
- (iv) teknologi sos seperti cili, tomato, rojak, kacang dan lain-lain;
- (v) teknologi pemerosesan kicap; dan
- (vi) teknologi mudah seperti mee, tauhu, tauhu-far pucuk, air kacang soya.

Untuk makluman seterusnya Ahli Yang Berhormat, agensi-agensi di bawah Kementerian ini juga menggunakan kaedah-kaedah tertentu untuk menyampaikan teknologi kepada petani dengan mengadakan kursus, seminar persidangan, terbitan majalah-majalah serta risalah-risalah. MARDI juga sendiri mempunyai program-program untuk ditujukan khas kepada pengusaha-pengusaha selain daripada menyampaikan teknologi memproseskan makanan

kepada agensi-agensi tertentu. Program-program yang diberi tekanan ialah:

- (a) Program Anak Angkat di mana tiap-tiap tahun 30 pengusaha makanan dengan anak angkat, memberi tekanan pembangunan industri secara menyeluruh.
- (b) Satu lagi program yang diberi tekanan ialah program Khidmat Nasihat dan Bimbingan. Di dalam program ini yang diutamakan ialah pemindahan teknologi dan penggunaan teknologi untuk penghasilan makanan mengikut Undang-undang Makanan 1985. Di bawah program ini, keseluruhannya 70 industri dengan bimbingan tiap-tiap tahun.

Dari masa ke semasa pegawai-pegawai dari MARDI juga dijemput untuk memberi ceramah kepada agensi perkembangan lain yang ada kaitan dengan pembangunan industri makanan di kampung-kampung.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya mengenai minuman asli yang dibuat oleh orang Dayak di negeri Sarawak iaitu tuak (langkau). Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Kementeriannya bertujuan untuk menyelidik bagaimana boleh memasarkan dan mengeksportkan serta memproses tuak (langkau) sehingga ia menjadi satu minuman terkenal di seluruh dunia, dan benarkah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu minum tuak? (*Ketawa*)

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

Tuan Lau Dak Kee: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan begitu panjang. Bolehkah

beliau menyatakan sejauh manakah pendidikan dan pengajaran daripada Jabatannya untuk memproses barang-barang makanan Malaysia untuk dieksport ke negeri-negeri asing? Sejuah manakah ajaran-ajaran atau pendidikan-pendidikan telah gagal atau diakibatkan pedagang-pedagang atau pengusaha-pengusaha itu menghadapi kegagalan atau kerugian atas pendidikan daripada Kementerian Yang Berhormat itu?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak payah jawab Yang Berhormat, soalan itu terkeluar daripada soalan asal.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Mengenai penyelidikan asas dan gunaan terhadap barang-barang makanan yang dikatakan import pada kadar \$3,000 juta setahun, apakah langkah dan juga program ataupun rancangan MARDI membuat penyelidikan asal ataupun gunaan terhadap bahan-bahan makanan yang diimport itu?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak payah jawab.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini siapakah yang telah mendapat manfaat daripada kajian MARDI?

Yang kedua, MARDI menjual teknologi-teknologi ataupun kajian-kajian yang dibuat bagaimanakah kadar yang dipakai dari segi jenis-jenis kajian-kajian ataupun teknologi yang dijual itu, apakah kadar yang dipakai, setengahnya dijual mahal dan setengahnya dijual mengikut flat rate dan sebagainya? Sebagai contoh santan daripada kelapa, saya dengar cerita dijual sampai \$2,500, jadi saya minta penjelasan.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, keputusan

penyelidikan yang dibuat oleh MARDI adalah untuk petani-petani kecil dan pengusaha-pengusaha (entrepreneurs) yang memproses makanan.

Untuk menjawab soalan kedua, harga yang dibayar pada pihak MARDI untuk penyelidikan ialah untuk kos sahaja, tiada apa-apa keuntungan.

BANGUNAN MAS/SESCO—BAHAN KELENGKAPAN

10. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (i) adakah beliau sedar bahawa kebanyakan bangunan-bangunan projek Kerajaan seperti Ibu Pejabat Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan Ibu Pejabat Perbadanan Pembekalan Elektrik Sarawak (SESCO) di Kuching menggunakan bahan-bahan kelengkapan import yang mahal seperti bahan ceramik, walaupun bahan binaan tempatan lebih mudah diperolehi; dan
- (ii) adakah menjadi dasar-dasar Kerajaan memasti semua bangunan projek Kerajaan supaya menggunakan bahan-bahan keluaran tempatan seperti yang termaktub dalam slogan "Kepimpinan Melalui Teladan" dan "Belilah Barangan Buatan Malaysia".

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar terdapat bangunan-bangunan agensi Kerajaan dan swasta yang menggunakan bahan-bahan kelengkapan import seperti bahan ceramic. Saya difahamkan rekabentuk bangunan tersebut adalah

memerlukan penggunaan kelengkapan bahan ceramic yang mempunyai ciri-ciri "design and aesthetics" yang "unique," dengan izin, yang tidak boleh didapati dalam negeri. Walau bagaimanapun, bilangan bangunan seperti ini tidak banyak. Sebilangan besar bangunan di negara kita adalah menggunakan bahan-bahan keluaran tempatan terutamanya simen, besi, kayu, gelas dan termasuk juga ceramic.

Kerajaan mempunyai dasar memberi keutamaan pembelian barang-barang buatan tempatan. Dasar ini adalah terkandung dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 15 Tahun 1983.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan dalam jawapannya bahawa beliau memang sedar adanya bangunan-bangunan Kerajaan yang menggunakan bahan-bahan daripada luar negeri. Saya ingin tahu, jika Yang Berhormat itu sedar, mengapakah pihak Kementerian beliau membiarkan perkara ini berlaku?

Yang kedua, sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri mempunyai maklumat mengenai bangunan-bangunan yang serupa yang menggunakan bahan-bahan luar negeri.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya menjawab dalam jawapan asal tadi, Kementerian saya dan Kementerian Kewangan telah mengeluarkan peraturan-peraturan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 15 Tahun 1983. Di dalam peraturan-peraturan ini perenggan yang berkenaan berkata:

"Mulai dari tarikh berkuatkuasanya Surat Pekeliling ini, semua Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun hendaklah memastikan

bahawa semua bekalan barang-barang hendaklah dari buatan tempatan sahaja melainkan bagi barang-barang yang tidak boleh diperolehi dari sumber-sumber tempatan. Bagi tujuan ini Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun hendaklah menyemak penentuan tender bagi barang-barang yang berkenaan bagi memastikan penentuan itu sesuai dengan tingkat keupayaan pengeluar-pengeluar tempatan. Dalam menyemak senarai barang-barang buatan tempatan serta senarai pembuat-pembuat tempatan rujukan hendaklah dibuat terus kepada Bahagian Perindustrian, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.”

Tuan Mohamad bin Abdullah: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menerangkan di Dewan yang mulia ini, berapakah jumlah projek di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang akan menggunakan bahan-bahan keluaran tempatan di dalam Rancangan Malaysia Kelima?

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, ada banyak, tetapi bilangan tepatnya saya tidak tahu. *(Ketawa)*

MAS—MENGURANGKAN TAMBANG

11. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Pengangkutan menyatakan dari segi intergrasi Nasional, mengapakah Kerajaan Persekutuan tidak mengurangkan harga tambang udara di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan di sini bahawa adalah memang menjadi dasar Kerajaan

untuk mempereratkan integrasi rakyat dari negeri Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung. Dalam hal ini Kementerian Pengangkutan dan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) sentiasa memberi perhatian kepada tambang-tambang perkhidmatan MAS termasuk tambang-tambang di antara Semenanjung dan Sabah-Sarawak untuk menentukan tambang-tambang ini diadakan pada paras yang berpatutan dan mampu untuk digunakan oleh rakyat Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, paras tambang-tambang MAS, sepertimana dengan syarikat-syarikat penerbangan lain, adalah ditentukan mengikut jarak di antara satu tempat ke satu tempat yang lain dan juga kos operasi bagi mengadakan perkhidmatan yang berkenaan.

Dalam hal ini, walaupun harga minyak telah turun sedikit, faktor-faktor lain yang mempengaruhi kos pengendalian perkhidmatan udara telah meningkat dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Faktor-faktor ini di antara lain termasuk kenaikan kadar faedah, kenaikan harga harta tetap, perbelanjaan modal atau, dengan izin, “capital expenditure” yang meningkat dan sebagainya.

Akibat daripada faktor-faktor tersebut, kos operasi MAS pada keseluruhannya telah meningkat. Bagaimanapun, kadar-kadar tambang dalam negeri yang diadakan oleh MAS masih dikekalkan pada paras yang sama.

Saya sukalah menyatakan bahawa dengan paras tambang yang sedia ada sekarang ini, MAS sebenarnya mengalami kerugian di dalam mengadakan perkhidmatan pada beberapa sektor tersebut di dalam negeri termasuklah beberapa sektor di antara Semenanjung dan Sabah/Sarawak. Tetapi oleh kerana MAS mempunyai rangkaian perkhidmatan

yang luas dan untuk mengekalkan paras tambang yang sedia ada, MAS berupaya menampung kerugian tersebut dengan cara "cross subsidisation," dengan izin, dari sektor-sektor dalam negeri yang mengeluarkan keuntungan dan juga pendapatan yang diperolehi dari perkhidmatan antarabangsa.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari segi intergrasi nasional, mana lebih penting—tambang udara ataupun menimbulkan isu perkauman? Cuba jelaskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak payahlah dijawab Yang Berhormat. (*Ketawa*)

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Terima kasih.

Tuan Abdul Mulok Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan untuk pengetahuan Dewan ini, sektor-sektor penerbangan manakah yang mendatangkan keuntungan yang besar dan sektor-sektor penerbangan manakah yang kurang menguntungkan atau merugikan?

Soalan kedua, adakah pihak MAS bercadang untuk mengurangkan tambang penerbangan di sektor-sektor yang mendatangkan keuntungan besar supaya keuntungan itu dapat disalurkan balik kepada pengguna dengan mengenakan tambang yang murah?

Soalan ketiga, apakah MAS mempunyai rancangan insentif untuk menarik lebih ramai penumpang di sektor antarabangsa untuk menggunakan penerbangan MAS dengan lebih kerap dengan memberikan tiket tambang

penerbangan percuma, misalnya bagi 100,000 batu penerbangan dengan MAS.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Itu soalan lain, tidak payah dijawab.

PELABURAN JEPUN— KEKURANGAN

12. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada pelaburan secara langsung (direct investment) dari negara Jepun berkurang bagi tahun belanjawan 1985 jika dibandingkan dengan tahun 1984, dan memberikan jumlah pelaburan secara langsung dari negara Jepun untuk kedua-dua tahun, sungguhpun nilai Yen telah meningkat dan keutamaan Kerajaan memberi kepada dasar "Membeli Jepun". Dengan demikian adakah dasar "Pandang ke Timur" akan dikaji semula untuk memastikan supaya perseimbangan perniagaan (balance of trade) yang kini banyak menguntungkan Jepun tidak lagi merugikan tanahair kita.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, mengikut perangkaan MADA dari segi ekuiti pelaburan negara Jepun telah meningkat daripada lebih kurang \$67.3 juta pada tahun 1984 kepada \$81.7 juta pada tahun 1985, iaitu peningkatan sebanyak 21.4%, sungguhpun dari segi bilangan projek ianya berkurangan daripada 71 projek pada tahun 1984 kepada hanya 46 projek pada tahun 1985.

Saya seterusnya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa Dasar Pandang ke Timur tidak ada kena mengena dengan prestasi pelaburan dari negara tersebut atau kedudukan imbalan perdagangan dengan Jepun. Dasar Pandang ke Timur merupakan satu dasar untuk mengamalkan ethika kerja

orang-orang Jepun di kalangan orang-orang Malaysia bagi meningkatkan mutu kerja dan produktiviti. Oleh hal yang demikian, kajian semula Dasar Pandang ke Timur tidak timbul.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah angka-angka yang dia beri tadi adalah mengenai pelaburan secara langsung dan saya hendak mempertikaikan angkanya kerana dari segi sumber saya sendiri, itu bukanlah yang sebenar.

Yang kedua, kerana tumpuan pentadbiran Malaysia iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah untuk membeli barangan-barangan Jepun, mengapa Kerajaan ini tidak menggalakkan bahawa negara Jepun ini melabur lebih banyak dan membeli lebih banyak barangan keluaran negara kita.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, angka-angka perdagangan dengan Jepun ialah saya beri dua tahun sahaja, iaitu 1984, 1985 dan separuh 1986. Untuk tahun 1984 eksport \$8,632.9 juta, import \$8,646.1 juta.

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, soalan bukannya berkenaan dengan pelaburan, secara langsung atau tidak.

Dato Kok Wee Kiat: Bolehkah Yang Berhormat ulangi soalnya?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Silakan Yang Berhormat, secara ringkas.

Tuan Lim Guan Eng: Secara ringkas, saya hendak bertanya Timbalan Menteri berkenaan bagaimanakah ia mendapat angka-angka yang dia sebut tadi. Adakah angka-angka ini mengenai pelaburan secara langsung atau, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, direct investment, kerana daripada sumber-sumber saya pelaburan secara langsung dari Negeri Jepun bukan sahaja di Malaysia tetapi di sekitar ASEAN sudah turun dan tadi dia kata sudah naik, itu mustahillah.

Dan yang kedua, kerana Kerajaan Malaysia sekarang memberi tumpuan supaya jabatan-jabatan negara kita membeli barangan-barangan keluaran negara Jepun, adakah kita boleh menggalakkan bahawa negara Jepun membeli lebih barangan Malaysia supaya kita dapat memperseimbangkan perniagaan dua hala di antara kedua-dua negara ini.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan soalan yang kedua, saya jawab dahululah. Menurut angka-angka yang saya ada di sini, negara kita sentiasa menggalakkan menjual barang-barang kepada Jepun. Bila kita membaca angka-angka untuk tahun 1985, kita ada positive balance of trade, dengan izin, untuk 1985, positive balance of trade, dengan izin, ialah \$2,347.8 juta.

Berkaitan soalan pertama, saya ingat ada banyak pelaburan secara langsung dari negara Jepun.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 17 adalah diberi di bawah ini).

GRADUAN YANG MENGANGGUR

13. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Buruh menyatakan bilangan setakat ini para graduan dibiayai oleh Kerajaan dan swasta yang masih menganggur mengikut kelulusan ijazah mereka iaitu Ph.D., Masters, Bachelor dan Diploma. Sila senaraikan mengikut profession atau jurusan mereka; apakah sebab-sebabnya mereka ini menganggur, apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang diambil oleh Kerajaan supaya masalah ini dapat diatasi untuk kebaikan negara. Setakat ini berapakah bilangan orang yang dihentikan dari pekerjaan mereka baik di Jabatan Kerajaan dan pihak swasta di seluruh negara dan apakah langkah-langkah yang berkesan yang telahpun diambil dan yang sedang diambil untuk menyelesaikan masalah ini.

Menteri Buruh (Dato' Lee Kim Sai): Kementerian saya tidak menyimpan maklumat mengenai para penganggur graduan yang bertumpu khas kepada sama ada mereka itu dibiayai oleh Kerajaan atau swasta.

Walau bagaimanapun, bilangan pemegang ijazah dan diploma yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat di bawah Kementerian saya untuk mencari pekerjaan setakat bulan Julai, 1986 adalah seramai 3,212 orang. Pecahannya adalah seperti berikut:

(1) Pemegang Ijazah Sarjana Muda	2,043 orang
(2) Pemegang Diploma	1,169 orang
Jumlah ..	<u>3,212 orang</u>

Mengikut rekod-rekod Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Pelajaran pula, difahamkan bahawa sehingga 15hb September, 1986, seramai 3,669 pemegang-pemegang biasiswa Kerajaan belum dapat ditempatkan di mana-mana Jabatan atau Agensi

Kerajaan. Pecahan-pecahan mengikut kelulusan mereka adalah seperti berikut:

(1) Pemegang Ijazah Sarjana Kedoktoran	1 orang
(2) Pemegang Ijazah Sarjana	47 orang
(3) Pemegang Ijazah Sarjana Muda	2,534 orang
(4) Pemegang Diploma	1,087 orang
Jumlah ..	<u>3,669 orang</u>

Mengenai senarai mengikut profesion atau jurusan seperti yang disoalkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya memohon izin menjawab secara bertulis kerana jawapannya memerlukan masa yang panjang untuk disampaikan.

Sebab-sebab utama wujudnya pengangguran di kalangan para graduan adalah kerana keadaan ekonomi negara yang tidak dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang mencukupi bagi menampung keperluan bilangan para graduan yang lulus setiap tahun. Cara untuk mengatasi masalah ini adalah dengan menggerakkan semua lapisan masyarakat berganding bahu ke arah berusaha memulihkan keadaan ekonomi semasa. Di samping itu, pelajar-pelajar juga harus memilih jurusan pengajian yang sejajar dengan keperluan negara.

Berkaitan dengan pemberhentian kerja di sektor awam dan sektor swasta di seluruh negara, suka saya menyebutkan di sini bahawa tidak ada kakitangan Kerajaan yang telah diberhentikan kerja akibat kemelesetan ekonomi dan seperti yang telah dimaklumkan di Dewan yang mulia ini pada 22hb Oktober lalu ketika menjawab pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat dari Seputeh, bilangan pekerja di sektor swasta, yang telah diberhentikan akibat

kemelesetan ekonomi adalah seramai 89,830 orang bagi tempoh dari tahun 1982 hingga bulan September, 1986.

Di antara langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah pemberhentian kerja adalah sebagaimana yang dimaklumkan di Dewan yang mulia ini ketika menjawab pertanyaan-pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah dan Seremban pada 14hb Oktober lalu dan saya tidak bercadang hendak menambah apa-apa lagi.

PEKERJA YANG DI-BERHENTIKAN

14. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Buruh menyatakan kesan dan akibat dari langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam membantu orang-orang yang diberhentikan kerja (retrenched) dan masalah pengangguran dan nyatakan juga apakah langkah-langkah yang positif untuk mengatasi masalah-masalah pemberhentian kerja dan pengangguran di seluruh negara yang kini sedang meningkat, dan setakat mana mempengaruhi ekonomi kita dijamin akibat tertutupnya kilang-kilang serta nyatakan apakah cadangan-cadangan untuk membaiki ekonomi negara kita.

Dato' Lee Kim Sai: Kerajaan telah mengambil berbagai-bagai langkah sama ada langkah jangka panjang ataupun langkah jangka pendek bagi membantu orang-orang yang telah diberhentikan kerja dan penganggur-penganggur di dalam negara ini, seperti yang pernah diterangkan oleh Kementerian saya semasa menjawab soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam persidangan Dewan Rakyat pada sesi ini. Kementerian saya tidak mempunyai rekod-rekod yang tepat mengenai kekesanan langkah-langkah yang telah diambil.

Ini adalah kerana tidak ada sebarang peruntukan undang-undang yang mewajibkan majikan-majikan melaporkan mengenai pengambilan pekerja-pekerja dan bagi pihak penganggur-penganggur pula memberitahu bahawa mereka telah memperolehi pekerjaan.

Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa kemajuan telah dapat dikesan seperti berikut:

- (i) Seramai 623 orang pekerja kilang elektronik dari sejumlah 7,410 yang telah diberhentikan telah diambil bekerja semula sehingga Disember 1985.
- (ii) 310 orang daripada pekerja-pekerja lombong yang diberhentikan di Negeri Perak telah dibenarkan oleh bekas majikan mereka untuk mengusahakan kegiatan pertanian dan ternakan air tawar, di atas tanah bekas lombong.
- (iii) Seramai 137 orang telah menerima faedah di bawah Program Latihan Khas jangka pendek yang dikelolakan oleh Institut-institut Latihan Perindustrian semenjak 16hb Jun, 1986.
- (iv) Melalui program-program latihan kemahiran yang dijalankan di Institut-institut Latihan Perindustrian, adalah dijangka sehingga akhir tahun 1986 seramai 3,280 belia-belia akan mendapat latihan dalam berbagai-bagai bidang kemahiran.
- (v) Selain dari itu program-program pembangunan seperti pembinaan rumah-rumah awam kos rendah, pembinaan lebu-lebu raya, pembukaan rancangan-rancangan tanah oleh agensi-agensi Kerajaan

dan swasta dan lain-lain projek pembangunan Kerajaan dan kegiatan sektor swasta telah mewujudkan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan.

Mengenai langkah-langkah positif yang telah diambil untuk mengatasi masalah-masalah pemberhentian kerja dan pengangguran, jawapan yang lengkap telah diberi di dalam Persidangan Dewan pada sesi ini, iaitu pada 10hb Oktober, 1986 semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh, pada 14hb Oktober semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Seremban dan pada 15hb Oktober semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Betong.

Kementerian saya sedar bahawa penutupan kilang-kilang dan pemberhentian pekerja oleh kilang-kilang tersebut telah memberi kesan terhadap ekonomi negara. Ini bukan sahaja telah menyebabkan Kerajaan kehilangan hasil-hasil daripada cukai tetapi juga telah menambahkan pengangguran. Mengikut rekod Kementerian saya, semenjak tahun 1982 sehingga September 1986 sejumlah 89,830 orang telah diberhentikan kerja.

ELMI TAHIR/ABU HASSAN— SIASATAN KEMATIAN

15. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada siasatan Polis terhadap kejadian murid sekolah, Elmi dan buruh kasar Abu Hassan yang ditembak oleh Polis telah selesai. Jika ya, apakah hasil penyiasatan tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Soalan ini telah pun dijawab bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Seputeh pada 14hb Oktober, 1986

dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

(Soalan No. 16. Sila lihat Jawapan No. 16 pada 8-10-1986).

ZIONIS—DAKWAAN

17. Tuan Teoh Teik Huat minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) nama negara-negara di bawah kawalan Yahudi di mana beliau menuduh pada 20-6-1986 telah menggunakan penerbitan luar negeri yang cuba untuk menjatuhkan Kerajaan Malaysia;
- (ii) mengapa tiada bantahan atau tindakan yang diambil terhadap negara-negara tersebut oleh Kerajaan memandangkan akan beratnya perkara tersebut.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Pertanyaan ini telah pun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama-sama dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Seremban pada 10hb Oktober 1986 yang lalu. Saya tidak ada apa-apa perkara yang hendak ditambah.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1987

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1987

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1987 dibacakan

bagi kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$6,672,535,390 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1987, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1987 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 tahun 1986, adalah diutamakan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut.” (5hb November, 1986).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dijemput Yang Berhormat dari Kuala Langat menyambung ucapan. Yang Berhormat, cuba ringkaskan selama sepuluh minit lagi.

3.35 ptg.

Tuan Basri bin Bajuri (Kuala Langat): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Belanjawan yang sedang kita bahaskan sekarang adalah satu Belanjawan yang saya anggap sebagai realistic, dengan izin, walaupun ianya memberi kesan yang agak membebaskan terutama kepada peminjam-peminjam perumahan dan kenderaan anggota Kerajaan Kumpulan “C”.

Begitu juga dengan bakal-bakal anggota Kerajaan yang akan tidak mendapat kemudahan pencen. Walaupun begitu ia mempunyai implikasi jangka panjang yang positif

dan menguntungkan. Sekurangnya pada satu masa Kerajaan akan terlepas dari beban pencen. Dalam pada itu kenaikan faedah 6%, saya cadangkan supaya dapat dikaji semula.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat menduga bagaimana keadaan ekonomi negara kita sepuluh atau dua puluh tahun akan datang. Untuk memastikan bahawa Kerajaan di masa akan datang tidak mengalami masalah dan keadaan seperti yang kita alami sekarang, kita haruslah belajar dari pengalaman kita hari ini. Kalau selama ini kita telah membelanjakan wang yang begitu banyak untuk projek-projek pembangunan dengan menggunakan wang pinjaman, lebih-lebih lagi apabila didapati begitu banyak projek yang tidak mendatangkan pulangan yang memuaskan, maka saya ingin menyarankan kepada Kerajaan agar membuat satu dasar tertentu agar kita dapat mengurangkan beban hutang luar negeri. Projek-projek besar yang tidak membawa pulangan yang memuaskan harus dikurangkan.

Keutamaan juga harus diberi kepada projek-projek yang kita mempunyai sumber membiayainya bukan melalui pinjaman. Keutamaan juga harus diberi kepada projek-projek yang mempunyai kesan positif terhadap sosio-ekonomi rakyat. Keadaan kewangan kita hari ini menunjukkan seolah-olah kita selama ini tidak bersedia mengadakan payung sebelum hujan turun. Kita kekurangan simpanan atau reserve, dengan izin. Dalam hubungan ini, saya menyokong usul Kerajaan untuk merangka satu sistem percukaian yang berkesan untuk negara ini bagi memastikan bahawa cukai sebagai satu sumber pendapatan negara yang paling utama dan penting.

Tuan Yang di-Pertua, projek-projek infrastruktur terutamanya di luar bandar memang mustahak dan mesti

diberi perhatian yang serius. Di samping itu perhatian berat juga harus diberi kepada projek-projek yang boleh mendatangkan pulangan yang baik seperti pembangunan pertanian pekebun-pekebun kecil, pembangunan industri kampung atau industri kecil, pembangunan belia dan sebagainya.

Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa selama ini petani atau pekebun kecil merupakan golongan yang paling rendah pendapatannya. Dalam hal ini, saya berpendapat bahawa beberapa faktor yang menyebabkan keadaan demikian terus berlaku harus diberi perhatian serius oleh Kerajaan dan juga agensi-agensinya.

Selama ini Kerajaan memang berusaha sedaya upaya untuk meninggikan taraf sosio-ekonomi petani-petani kita dengan mengadakan berbagai-bagai kemudahan, bantuan serta khidmat nasihat kepada mereka. Setelah sekian lama usaha ini dijalankan kita masih dapati bahawa keadaan mereka tidak jauh berubah. Di mana silapnya?

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa satu kajian semula terhadap sistem pertanian pekebun-pekebun kecil harus dilakukan. Selama ini Kerajaan sentiasa memberi segala bantuan dan galakan terhadap petani-petani kita untuk mereka menanam atau mengusahakan apa saja jenis tanaman yang mereka suka. Tidak ada perancangan yang teliti terhadap kesesuaian tanah, kesesuaian tanaman, pasaran dan juga kurangnya koordinasi yang sempurna antara jabatan-jabatan yang berkaitan. Masing-masing dengan hal masing-masing. Akibatnya petani-petani tidak ada panduan. Pengetahuan atau ilmu pertanian mereka tidak bertambah, teknologi pertanian modern tidak sampai kepada mereka. Mereka masih

tetap mengamalkan sistem bertani yang tradisi. Pada hal Kerajaan telah membelanjakan wang yang begitu banyak untuk melatih dan mewujudkan pakar-pakar pertanian. Ribuan yang telah menerima ijazah pertanian, mungkin ratusan pula yang telah mempunyai ijazah kedoktoran dalam bidang pertanian. Tetapi di mana mereka dan di mana silapnya? Ramai di antara mereka yang dilatih di luar negeri seperti Amerika, Taiwan dan sebagainya. Kita berharap agar mereka yang dilatih di luar negeri akan dapat membawa balik teknologi yang mereka dapati dari luar negeri untuk diterapkan di dalam masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kita mengimport ratusan juta ringgit jagung daripada luar negeri dan begitu juga dengan daging lembu. Pada hari ini kalau kita ke Kedah, ke Hilir Perak dan ke Tanjong Karang, kita akan melihat jelapang-jelapang padi dengan kilang-kilang LPNnya. Jelapang padi itu adalah milik pekebun-pekebun kecil. Soalnya apakah mustahil jika di tempat-tempat lain kita jadikan jelapang-jelapang lain pula? Misalnya jelapang jagung dengan kilang memproses makanan ringan, kilang mengetin jagung dan kilang memproses makanan haiwan di Kuala Langat misalnya. Begitu juga dengan jelapang halia serta kilang-kilang memprosesnya di Batu Pahat. Jelapang lembu atau kambing biri-biri serta kilang-kilang memprosesnya di Grik dan begitu juga seterusnya. Maksud saya, apakah mustahil bagi kita mengadakan pengkhususan tanaman kontan dalam negara kita.

Sebagaimana kita tahu bahawa tanaman kekal seperti getah, kelapa, kelapasawit adalah sesuai dan ekonomik ditanam secara ladang dan tanaman kontan adalah lebih ekonomik dan lebih sesuai untuk diusahakan oleh pekebun-pekebun kecil kita.

Dalam hal ini, masalah yang ditimbulkan oleh petani-petani bukanlah masalah mereka tidak tahu dan tidak mahu mengusahakan tetapi masalah pasaran. Dalam hubungan ini, saya percaya jabatan-jabatan khususnya dalam Kementerian Pertanian seperti FAMA, Jabatan Pertanian, MARDI, Jabatan Haiwan, Jabatan Perikanan dan sebagainya boleh mengadakan satu pendekatan yang bersepadu supaya perkara tersebut di atas dapat dilaksanakan.

Sektor pertanian juga merupakan satu sektor yang mempunyai potensi yang cerah, begitu juga dengan industri makanan. Ia mempunyai, bukan sahaja potensi pasaran dalam negeri, bahkan juga luar negeri. Dalam hal ini, saya sedar bahawa Kerajaan menyedari hakikat ini. Masalahnya ialah pelaksanaannya. Kerajaan harus berani dan tegas. Pegawai-pegawai pertanian mestilah dapat memainkan peranan mereka dengan lebih berkesan serta tidak membazirkan ilmu yang ada pada mereka.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, ada 3 minit lagi.

Tuan Basri bin Bajuri: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebagai contoh, Kerajaan boleh mengadakan peruntukan tanam semula kepada pekebun-pekebun kecil yang mempunyai tanaman kekal sebagai galakan kepada mereka untuk menukar kepada tanaman kontan. Untuk melaksanakannya, agensi-agensi yang berkaitan mestilah dapat memainkan peranan mereka dengan berkesan, terutamanya pihak FAMA. FAMA harus menyusun strategi pemasarannya serta dapat memastikan jumlah bekalan dan penawaran setiap barangan yang berkenaan.

Jabatan Pertanian pula harus dapat memastikan kesesuaian tanah, khidmat nasihat dan sebagainya.

Begitu juga dengan Jabatan Haiwan serta Jabatan Perikanan, masing-masing boleh memainkan peranan.

Saya berkeyakinan bahawa dengan adanya pengkhususan tanaman sebagaimana jelapang padi kita yang ada sekarang, segala tumpuan perhatian dapat diberikan. Ini juga akan memudahkan semua pihak seperti Kerajaan, petani dan juga pihak swasta. Seterusnya dengan adanya sistem yang tersusun ini, maka industri-industri, sama ada kecil atau besar yang berkaitan akan dapat diwujudkan dan seterusnya akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan.

Menyentuh industri kecil, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar kerana usahanya menggalakkan pertumbuhan industri kecil atau industri kampung, walaupun pihak Kementerian sendiri belum bersedia membantu dari segi pasarannya secara langsung. Walaupun begitu, saya ingin menarik perhatian Kerajaan, terhadap masalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha atau bakal-bakal pengusaha industri kecil ini.

Sama ada dalam keadaan ekonomi berkembang atau meleset, peranan sektor perusahaan kecil tidak dapat dinafikan. Sumbangannya ke arah pembangunan negara terutama dalam bidang peluang pekerjaan, pusat latihan bagi meneroka ke bidang yang lebih besar, penggunaan modal yang lebih menyeluruh serta tambahan nilai, dengan izin, "value added" untuk barangan yang dikeluarkan, lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang di mana perusahaan besar tidak dapat menyumbangkan peluang pekerjaan dan juga kurangnya kuasa membeli pengguna-pengguna, menjadikan sektor perusahaan kecil begitu perlu diberi perhatian.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa masalah yang boleh menghalang pertumbuhan industri kecil ini. Wujudnya lebih daripada 20 agensi di bawah Kementerian membuktikan perkara ini, tambahan pula sektor ini merupakan satu sektor baru untuk diterokai oleh usahawan-usahawan bumiputera luar bandar khususnya.

Untuk mengatasi masalah ini satu sistem yang teratur di Pusat Serenti misalnya perlu ditubuhkan. Ini bagi membolehkan usahawan-usahawan atau bakal-bakal usahawan mendapat perkhidmatan yang perlu bagi mereka seperti perkhidmatan modal, teknologi, kepakaran, bimbingan, pasaran dan sebagainya.

Pada masa ini mereka terpaksa menghadapi berbagai masalah untuk menubuhkan industri kecil ini. Mereka terpaksa memanjat ke MARA, ke Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, ke MARDI, ke Bank dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Tuan Basri bin Bajuri: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa sudah habis, maka akhir sekali saya ingin menyentuh tentang perpaduan nasional. Walaupun selama ini kita melaung-laungkan perpaduan nasional di sana sini, saya merasa amat dukacita dalam hal ini kerana di dalam kita berusaha mewujudkan integrasi nasional, ada golongan yang sama ada terang-terang ataupun secara bersembunyi-sembunyi mengkhianatinya. Ada juga sebahagian daripada masyarakat kita yang pada masa ini menunjukkan sikap telunjuk yang lurus, tetapi kelingking berkait. Mereka sanggup membuat provokasi kepada golongan-golongan muda

untuk mengungkit-ungkit dasar yang telah diterima oleh pemimpin-pemimpin kita yang lalu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

3.50 ptg.

Tuan Hashim bin Safin (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya turut mengambil peluang untuk membahaskan Belanjawan 1987 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada hari Jumaat, 24-10-1986 yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya masing-masing kita khususnya, dan rakyat Malaysia amnya dapat merasai himpitan ekonomi negara hasil daripada keadaan-keadaan berikut:

- (1) Perkembangan ekonomi dunia yang kurang menggalakkan;
- (2) Eksport barangan utama seperti getah, kelapa sawit, timah, minyak menurunkan sehingga kepada \$5.9 ribu juta;
- (3) Perdagangan dunia yang merosot, beberapa negara perindustrian lain juga mengalami defisit dan import barangan-barangan kilang yang kian meningkat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat ada 15 minit.

Tuan Hashim bin Safin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu perkara pokok dan utama dikalangan kita ialah kefahaman, kecerapan, kerjasama dan pengorbanan daripada semua lapisan hidup masyarakat kita adalah menjadi tuntutan nusa dan bangsa yang ingin terus maju dan

berkembang ke arah satu masa hadapan yang gemilang. Sementara itu berilah peluang yang seluas-luasnya kepada pihak Kerajaan mengambil langkah yang wajar dan perlu ke arah memulih ekonomi negara melalui cadangan yang telah digariskan di dalam pembentangan Belanjawan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam konteks ini, saya suka menarik perhatian, kita dapat melihat perancangan yang telah dibuat oleh Kerajaan, oleh pihak yang bertanggungjawab untuk menjamin keadaan ekonomi kita akan pulih ataupun dapat kita mempertahankannya. Tetapi soal pokok di dalam sesuatu masyarakat bangsa ialah soal kestabilan politik, soal hubungan kaum, terutamanya bagi sebuah negara Malaysia yang terdiri daripada berbagai-bagai kaum. Maka di dalam Dewan yang mulia ini saya ingin menarik perkara yang paling pokok dan terakhir yang berlaku berkembang pada sehari dua ini yang saya rasa amat dukacita dan kesal sekali di mana ada di kalangan pemimpin-pemimpin kita sendiri di dalam Barisan Nasional yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat sekejap tadi yang mempunyai telunjuk lurus, kelinking berkait.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan ialah seorang Timbalan Presiden MCA yang berada di dalam anggota Barisan Nasional yang telah mengungkit suatu perkara dasar yang telah diputuskan oleh pemimpin-pemimpin kita. Saya faham, saya yakin dan saya percaya, pemimpin ini adalah pemimpin yang berpengetahuan luas yang memahami hakikat sejarah, pemimpin yang mempunyai pengikut-pengikut dan dihormati oleh pengikut-pengikutnya. Tetapi saya kesal, pemimpin ini, pemimpin yang tidak boleh mengawal dan beritahu pengikut-pengikutnya. Saya barangkali boleh dapat menerima

bahawa pengikut-pengikutnya terdiri daripada pemuda yang boleh dikatakan belum cerap dan belum faham fakta-fakta sejarah, tetapi selaku pemimpin, kenapa kita tidak dapat mengawal dan memberitahu pengikut-pengikut kita tentang fakta-fakta sejarah.

Soal pribumi sepatutnya tidak boleh disentuh, tidak patut disentuh, kerana perkataan "pribumi" adalah hak pertuanan dan tidak dapat siapa menafikan. Penafian ke arah ini seolah-olah mencari sesuatu perkara yang sama-sama kita tidak mahu dan tidak ingini berlaku di dalam negara kita. Kalaulah perkataan ini diungkit secara tenang, saya dapat katakan kesemua kita Melayu, Pribumi dan Bumiputera lain di Sabah, Sarawak, Kadazan, Iban, Dayak dan sebagainya telah tercuik hatinya kerana cadangan untuk penghapusan pribumi dan saya hendak cuba kata kalau kita unguatkan bahawa perkara ini telah termaktub di dalam Perlembagaan dan kalau saya kata cuma dan cuba sama-sama rasa, kalau sudah termaktub dalam Perlembagaan, antara perkara yang telah kita putuskan dalam Perlembagaan ialah pemberian hak istimewa kepada pribumi dan tukaran kita ialah hak warganegara kepada saudara-saudara kita daripada orang-orang Cina dan orang-orang India.

Kita berlembut, kita boleh beri, tetapi kalau saya kata dan cuba rasa sekejap, kalau hendak dikaji soal pribumi dan hendak dihapuskan soal pribumi, maka kalau saya kata kita tuntutan untuk mengkaji semula soal warganegara, saya juga dapat merasa hati kecil kesemua, tidak kira MCA atau siapa, kesemua akan merasa hatinya. Maka itulah terasa di hati kita pribumi bila cadangan untuk menghapuskan perkataan "pribumi".

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu memanjangkan perkara ini, Sekadar memberitahu perasaan kami

orang Melayu, orang Pribumi, bangsa Pertuanan negara Malaysia ini di atas perkara yang sedang dipermainkan. Kalau sekadar meminta maaf, setiap kali perkara ini ditimbulkan oleh saudara-saudara kita yang kita orang Melayu ini baik, orang Melayu ini lemah-lembut, berdisiplin, baik dan sebagainya, tetapi sekali mereka menimbulkan, minta maaf kita diam, soal Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Law Hai Heng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun, beri jalan atau tidak?

Tuan Hashim bin Safin: Boleh.

Tuan Chew Kam Hoy: Tuan Yang di-Pertua, sekadar ketetapan MCA Selangor. Saya ada sedikit penjelasan untuk beritahu Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat minta penjelasan.

Tuan Chew Kam Hoy: Ya, minta penjelasan. Yang Berhormat ini tadi ada sedikit salah faham berkenaan ketetapan MCA Selangor, ketetapan berkenaan tidak pernah menafikan atau tidak mempersoalkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tadi saya tidak dengar Yang Berhormat sebut MCA Selangor, adakah?

Tuan Hashim bin Safin: Tidak.

Tuan Chew Kam Hoy: Bolehkah ia.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak payah, sebab dia tidak menyentuh itu.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, saya tidak bermaksud membuka ruang ini begitu

luas. Saya maksudkan kepada seorang pemimpin bukan MCA secara keseluruhannya. Sebab itu saya memberi gambaran kalau perkara ini tersentuh, bukan soal saya, bukan soal lapisan mana, tetapi ianya menyentuh keseluruhan hati orang Melayu, orang Bumiputera hasil daripada perbuatan seorang pemimpin. Maka pesanan saya yang pertama: Jangan kerana seekor kerbau membawa lumpur, semuanya akan terpalit. Ini pesanan awal, (*Tepuk*) dan saya masih menghormati pemimpin-pemimpin lain daripada MCA. Maka kepada pemimpin yang saya maksudkan itu jangan sampai ketiga kalinya melakukan perkara yang sama, setelah soal Dasar Ekonomi Baru diungkit, diselesaikan dalam Kabinet dan sebagainya, maka kita masih bersabar. Soal pribumi diungkit, diselesaikan. Kenyataan dalam akhbar *The Star* hari ini secara keluarga dibandingkan antara bapa dengan emak bukan dapat dibandingkan secara begitu, kita barangkali masih dapat bersabar tetapi kalau perkara ini terus diungkit setelah diminta maaf, selama mana orang Melayu dapat sabar kerana ianya menyentuh perasaan kita. Itu yang saya ingin timbulkan. Maka kepada saudara-saudara pemimpin MCA lainnya fikirlah baik-baik dan tolong ingatkan kepada seorang pemimpin yang saya maksudkan itu, supaya keadaan kita akan selamat sejahtera. Tidak guna perancangan yang kita buat, berpuluh-puluh juta dengan perancangan, menjimat di sana, membangunkan tanah di sini, membuat bangunan tinggi-tinggi, memperuntukkan perbelanjaan untuk tentera dan sebagainya, kalau soal pokok ini, soal hubungan kaum tidak dapat kita jamin dan lebih teruk kalau ianya berlaku peristiwa yang telah berlaku yang menjejaskan keseluruhan hubungan kaum kita. Itu yang saya timbulkan pada hari ini (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perancangan asal saya tidak bermaksud hendak menyentuh

perkara ini, tetapi setelah ianya berlaku di saat-saat akhir untuk saya berucap, maka keutamaan saya berikan kepada perkara ini dengan harapan satu pengajaran dan satu ingatan yang lulus ikhlas kepada semua pemimpin-pemimpin, sama ada daripada parti Kerajaan, komponen Barisan Nasional atau parti Pembangkang kerana ini adalah soal pokok yang perlu kita jamin.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, selesai soal sesama sendiri, saya harap dengan sentuhan sedikit gambaran perasaan hati saya yang saya yakin mewakili perasaan hati sebahagian besar, walaupun tidak semua pribumi di tanahair Malaysia ini tanpa memberi fakta-fakta lain, saya rasa tidak perlu, sebab kita semua sudah tahu dari segi fakta sejarah, dari segi tuntutan kemerdekaan, dari segi ketuanan bangsa Melayu, dari segi Kerajaan-kerajaan Melayu walaupun sebelum Parameswara tahun 1400 telah ada Kerajaan Melayu di nusantara ini. Itu tidak perlu disentuh, sebab saya yakin semua pemimpin tahu, cumanya jangan diungkit-ungkit lagi setelah perkara ini memberi pengajaran kepada kita.

Selain daripada ini, cuma satu saya hendak mengingatkan, Tuan Yang di-Pertua, jangan lagi terjadi seperti apa yang telah berlaku di awal pembentukan Kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman dan Tuan Lee Kuan Yew, perkara yang lebih kurang sama telah berlaku sehingga Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman memberi amaran keras kepada Tuan Lee Kuan Yew yang berbunyi: "Kalau hendak kekal dalam Malaysia, kamu mesti menerima hak bangsa Melayu dan kedudukannya sebagai bangsa utama negeri ini," dan "Kalau kamu

enggag menerimanya, maka kami tidak lagi menerima kamu di dalam Malaysia." Sehingga akhirnya Singapura terkeluar daripada Malaysia.

Maka perkara ini, saya rasa kita jadikanlah sempadan. Saya masih mewakili pemimpin baru, pemimpin muda, masih boleh menganggap bahawa perkara ini kita buat sempadan, tetapi kalau ianya terus diungkit, saya rasa sama-samalah kita menerima kesan dan akibatnya.

Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, dia minta penjelasan.

Tuan Hashim bin Safin: Boleh, kita sedia berbincang.

Dr Eng Seng Chai: Bolehkah saya minta daripada Yang Berhormat yang berucap, adakah contoh misalan yang dia "quote" dari Yang Amat Berhormat bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Petra Al-Haj, adakah itu sebagai satu ugutan kepada pihak MCA keluar daripada Barisan Nasional? Bolehkah saya minta penjelasan, adakah itu ugutan?

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak mengugut sesiapa. Sebagai seorang Ahli Parlimen, saya memberi gambaran dan perasaan yang sebenar dan sama-sama kita fikirkan. Siapa yang makan lada, dia yang akan terasa pedas! (*Tepuk*)

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ada yang minta penjelasan, Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Safin: Boleh.

Tuan Sim Kwang Yang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun belum faham, apakah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Apakah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, pandang ke mari! (*Ketawa*)

Tuan Sim Kwang Yang: Apakah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi, macam mana yang dapat negara kita mempelajari dari peristiwa yang di'quote'kan tadi? Adakah beliau bermakna bahawa jikalau dakwaan-dakwaan yang dibuat oleh Yang Berhormat itu tadi dipersoalkan, semua kaum yang bukan bumiputera akan dikeluarkan daripada negara kita? Adakah dia maksudkan, saya hendak tahu, apakah maksud yang sebenarnya?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Cukuplah itu, sudah faham.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya tadi antara asas di dalam perjanjian di kalangan pemimpin-pemimpin kita semasa pembentukan Perlembagaan ialah di bawah Perkara 32 iaitu Institusi Raja, Perkara 3—Agama Islam, Perkara 152—Bahasa Malaysia, Perkara 153—Hak Istimewa Orang Melayu dan di masa yang sama pemimpin-pemimpin kita bersetuju untuk memberi hak kewarganegaraan kepada saudara-saudara—saya menggunakan istilah yang lembut menandakan kasih dan sayang—kepada saudara-saudara daripada orang-orang Cina dan India. Tetapi kalaulah saya katakan sekarang dan saya dapat mengesani saudara-saudara telah tercuit dan tersentuh hati, bila saya kata, kalau hendak kaji semula, kalau ada pihak yang menuntut, dengan izin, "to the extend" kita mengatakan kalau ada pihak yang menuntut hendak hapuskan soal

perkataan "pribumi", maka ada pihak yang satu lagi akan mengatakan "kita kaji semula soal warganegara". Benda ini akan berlaku ketegangan. Ini yang saya maksudkan.

Di atas kesedaran ini maka saya menyeru kepada pemimpin atas terutamanya yang ada di dalam Barisan Nasional, jangan melakukan perkara ini, jangan setelah "Batu dibaling, tangan disembunyikan". Ini tidak patut berlaku. Itu maksud saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat dari Bandar Kuching boleh faham maksud.

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Untuk penjelasan Yang Berhormat, boleh beri?

Tuan Hashim bin Safin: Boleh, memang saya suka menjelaskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia hendak minta penjelasan.

Tuan Hashim bin Safin: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sila.

Dr Eng Seng Chai: Saya hendak minta daripada Yang Berhormat, adakah dia seorang Wakil Rakyat dari pihak Barisan Nasional yang terdiri dari MCA, UMNO, MIC, PBB, PBS dan lain-lain parti? Saya anggap Dewan yang mulia ini adalah di antara Kerajaan dan Pembangkang, tetapi jika Yang Berhormat anggap dia seorang Pembangkang, hendak bangkang parti ahli komponen Barisan Nasional, saya jemput, mari duduk di sini dengan kita.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap bukan soal pembangkang ataupun penyokong Kerajaan, tetapi saya bercakap selaku seorang rakyat Malaysia yang cintakan kedamaian, yang cintakan keamanan, yang mahu menjamin apa-apa perancangan yang telah kita buat ini mendapat kebajikan.

Tuan Zubir bin Embong (Kuala Terengganu): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kuala Terengganu bangun hendak penjelasan.

Tuan Hashim bin Safin: Boleh, sama sendiri pun boleh.

Tuan Zubir bin Embong: Saya hendak minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat dari Tanah Merah memberitahu Dewan ini maksud dan tujuan isi kandungan ucapannya itu dan apakah ia bertujuan untuk menyanggah dasar-dasar Kerajaan ataupun hanya sekadar untuk memberi nasihat, pandangan ataupun rasa hatinya kepada rakan-rakan dalam parti Barisan Nasional yang nampaknya tidak mengerti dengan bahasa yang lembut? Bolehkah saudara Yang Berhormat menerangkan?

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, itulah maksud saya untuk memberitahu pemimpin, sebagai "seorang" pemimpin tadi.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Peraturan Mesyuarat nombor berapa itu, Yang terhormat?

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat ucapan Yang

Berhormat itu sekarang dia sudah memberi.

Seorang Ahli: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti, nanti!

Dato Kok Wee Kiat: Point of order. Itu melanggar Peraturan Mesyuarat 36 (1).

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti sekejap!

Tuan Zubir bin Embong: Yang Berhormat dari Tanah Merah belum lagi menjelaskan pertanyaan saya!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti, duduk dahulu!

Dato Kok Wee Kiat: Peraturan Mesyuarat 36 berbunyi:

"Seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu."

Pada masa sekarang Tuan Yang di-Pertua, kita membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan. Saya tidak sedar apa kaitan isinya.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sentuh itu memang berkaitan. Saya sudah katakan awal-awal dalam ucapan saya tadi, tidak guna kita buat perancangan yang baik dengan peruntukan yang banyak, jimat di sana, tabur duit di sini dan sebagainya, kalau soal ini tidak dapat kita jaminkan. Maka saya

hendak kaitkan, kalau benda ini terus berlaku ketegangan, perancangan kita tidak berguna. Maka ini berkaitan dengan Belanjawan kita.

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Duduk sekejap!

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Peraturan Mesyuarat 36 (1) ada ditimbulkan. Saya rasa ini perlu dijelaskan oleh kerana bukan sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri ada timbulkan perkara ini, Yang Berhormat dari Bakri pun pernah timbulkan perkara semacam ini bahawa dalam perbahasan Budget tidak boleh timbul perkara-perkara ini atau itu. Sebenarnya dalam perbahasan Budget iaitu perbahasan dasar, apa-apa pun ada kena-mengena, apa-apa pun boleh ditimbulkan. Itu basic (*Tepuk*). Saya harap ini boleh dibetulkan, apa-apa pun boleh ditimbulkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada satu minit lagi. Saya bagi "injury times" dan minta mengatakan perkara-perkara yang berkaitan dengannya sahaja.

Tuan Hashim bin Shafin: Tuan Yang di-Pertua, ini menggambarkan, kalaulah pemimpin-pemimpin kita boleh mencari titik pertemuan perkara yang betul, katalah betul dan daripada Ketua Pembangkang tadi dia memberi gambaran yang betul dan jangan saudara Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi melibatkan emosi pula. Sebab ikhlas, saya cakap ini.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Penjelasan tidak boleh. Saya beri seminit sahaja lagi.

Tuan Sim Kwang Yang: Takut.

Tuan Hashin bin Shafin: Tidak, tidak. Saya tidak takut. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak bagilah. Yang Berhormat, minta duduk!

Tuan Hashim bin Shafin: Tuan Speaker tidak beri. Saya bersedia. Kalau beri injury time, dengan izin, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Penjelasan boleh beri atau tidak?

Tuan Hashim bin Shafin: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Fasal injury time ini.

Tuan Hashim bin Shafin: Kalau beri injury time, boleh.

Tuan Hu Sepang: Saya pun boleh?

Tuan Hashim bin Shafin: Boleh juga, siapa sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Kalau boleh, Yang Berhormat kena duduk.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang depan dahulu. (*Ketawa*)

Tuan Sim Kwang Yang: Tunggu dahulu! Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat dari Tanah Merah menyedari bahawa rakyat Malaysia dan Parlimen ini tidak berminat dengan "family quarrel" dalam Barisan Nasional. Ini kalau satu family quarrel di antara suami dan isteri, baliklah kepada bilik tidur dan quarrel

(Ketawa). Kalau Barisan Nasional ataupun UMNO.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Apakah penjelasannya?

Tuan Sim Kwang Yang: Penjelasannya, bolehkah dia bersetuju bahawa kalau Barisan Nasional tidak dapat menyatupadukan semua parti komponen, bagaimanakah rakyat Malaysia boleh mengharapkan kepada Barisan Nasional untuk menyatupadukan semua kaum? Ini sahaja. (Tepuk)

Tuan Hashim bin Shafin: Tuan Yang di-Pertua, saya ini bukan orang yang boleh menentukan soal Barisan Nasional dan sebagainya. Cuma saya katakan tadi kepada seorang pemimpin, bukan soal Barisan Nasional keseluruhannya, malahan MCA secara keseluruhan, saya tidak sentuh, tetapi seorang pemimpin yang bercakap begitu. Itu keseluruhan isi ucapan dan percakapan saya tadi. Tidak timbul hendak berpecah dalam Barisan Nasional dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa sudah cukup. (Ketawa)

Tuan Hashim bin Shafin: Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah. Yang lain-lain, macam saya katakan tadi, kurang penting kalau kita tidak selesaikan soal pokok ini secara baik. Maka cadangan saya ialah untuk mengingatkan kepada pemimpin-pemimpin atau bakal-bakal pemimpin yang akan mengambil arus dan aliran yang begini yang boleh menjejaskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk. Masa sudah sampai.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah masih bercakap, kenapa yang lain semua bangun? (Ketawa)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Belum habis lagi, minta Yang Berhormat lain duduk!

Tuan Hashim bin Shafin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak duduk, kalau saya tidak duduk, maknanya saya tidak benarkan. Semua kita faham.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hashim bin Shafin: Kalau saya benarkan, saya duduklah. Itu kalau Tuan Speaker sudah beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak boleh, saya tidak beri. Ini masa "injury time".

Tuan Lim Kit Siang: Don't waste timeslah.

Tuan Hashim bin Shafin: Kalau Tuan Speaker beri, saya memang beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak boleh, masa sudah habis.

Tuan Hashim bin Shafin: Kalau masa sudah habis, saya rasa cukup sekadar memberi gambaran perasaan dan ingatan supaya perkara ini dapat diselesaikan secara baik dan kepada pemimpin-pemimpin kita sebagai satu ingatan ialah jadikanlah ini sebagai satu bahan untuk diselesaikan dengan baik. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dan saya mengambil kesempatan ini menyokong keseluruhan Belanjawan yang telah dibentangkan, dan lagi sekali saya

ulangkan segala-galanya tidak penting kecuali soal ini yang lebih penting kita utamakan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bukit Gantang.

4.15 ptg.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan (Bukit Gantang): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang ini untuk saya turut serta membahaskan Belanjawan 1987 yang telah pun dibentangkan oleh Menteri Kewangan lebih kurang seminggu setengah yang lampau.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya Belanjawan 1987 agak begitu conservative, dengan izin, sehinggakan terdapat setengah-setengah orang berasa begitu bimbang sekali oleh kerana tidak nampak kesan yang kuat dan banyak yang boleh memberi keyakinan yang ekonomi negara akan dapat dipulihkan dengan kadar secepat mungkin.

Belanjawan 1987 seolah-olah semacam Belanjawan sebuah syarikat sahaja dan bukan Belanjawan Negara. Ini adalah disebabkan hanya beberapa strategi sahaja yang dilibatkan dalam Belanjawan tahun ini, seperti hanya kenaikan harga cukai jualan rokok dan arak dan tidak banyak dilihat perkara-perkara yang lain yang boleh membawa keadaan-keadaan yang boleh meyakinkan lagi kita tentang kemahuan kita untuk melihat ekonomi negara dipulihkan dengan secepat mungkin.

Belanjawan 1987 terlalu conservative, dengan izin,

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, dia minta penjelasan, boleh beri?

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Masa begitu suntuk, hanya 15 minit, saya ada banyak perkara yang saya hendak ungkitkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sila teruskan.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Minta maaf, saya meneruskan. Kerana dalam perkiraannya, contohnya mengapa saya katakan agak conservative sedikit, kerana harga CPO — crude palm oil, harga kelapa sawit mentah, apabila perkiraan dibuat sempena membentangkan Belanjawan, harga hanya diambil kira setakat \$460 seton sahaja pada masa Belanjawan itu dibuat. Tetapi keadaan yang ada sekarang ini semasa Belanjawan itu dibentang hingga ke hari ini, harga CPO telah pun meningkat di antara \$680 hingga \$705 seton. Maka ini jelas menunjukkan Budget itu tidak current, tidak accurate, dengan izin, tidak tepat yang mana pada hemat saya Belanjawan itu merupakan Belanjawan yang agak pessimistic, dengan izin, dengan mengambil kira harga kelapa sawit mentah sebegitu rendah sekali.

Sepatutnya, Belanjawan kita lebih current, dengan izin, dan sekiranya pun pada masa akan datang akan jatuh harga commodity yang berkenaan ini tidak akan menyebabkan pula kita boleh menyalahkan Kerajaan sebab kita tahu bahawasanya harga commodity itu sentiasa turun dan naik. Tetapi apa yang saya tekankan ialah sepatutnya Belanjawan kita ini memberi angka-angka dan harga-harga yang lebih current, dengan izin, lebih semasa dan tidak harga yang agak jauh bezanya daripada yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, pada umumnya saya

menyokong Belanjawan 1987, lebih-lebih lagi berkenaan dengan perkara-perkara seperti berikut:

Pertamanya, sejumlah \$4,469 juta daripada sejumlah \$6,673 juta Perbelanjaan Pembangunan iaitu sebanyak 2/3 daripada jumlah Perbelanjaan Pembangunan telah diberikan kepada kawasan luar bandar. Walaupun jumlah \$6.6 billion itu adalah kurang sedikit daripada peruntukan bagi tahun 1986, tetapi teras dan keutamaan yang diberi oleh Kerajaan bagi memperuntukkan jumlah yang begitu besar kepada kawasan luar bandar amat dialu-alukan dan walaupun ianya kurang daripada segi quantum yang umumnya daripada tahun yang sudah tetapi kita semua faham oleh kerana keadaan semasa yang mana ekonomi masih meleset lagi.

Yang keduanya, kita juga menyokong strategi Belanjawan tahun ini yang mana perbelanjaan pengurusan telah dapat dikurangkan dengan kadar 6% daripada tahun 1966. Malah saya fikir lebih banyak lagi patut boleh diturunkan oleh kerana meratarata kita lihat banyak lagi wang Kerajaan ataupun wang rakyat telah pun dibazirkan pada masa kita melaksanakan berbagai-bagai program dan strategi dalam Belanjawan kita pada tahun yang sudah. Tetapi trend untuk mengurangkan perbelanjaan mengurus ini amat menggalakkan dan sesungguhnya saya mengalu-alukan dan menyokong penuh.

Yang ketiganya ialah tentang commitment dan janji Kerajaan untuk menghapuskan sama sekali defisit akaun semasa selewat-lewatnya pada tahun 1989. Walaupun defisit tahun 1986 ialah berjumlah \$1.3 billion; 1987—\$2.7 billion dan mungkin pada tahun 1988 lebih lagi tetapi sekurang-kurangnya Kerajaan ada commitment dan telah pun berjanji kepada rakyat dan kita semuanya bahawasanya

menjelang tahun 1989 defisit akaun semasa ini akan dapat dihapuskan 100% dan kita harap bahawa janji ini tidak akan hanya tinggal janji sahaja tetapi mesti ditepati.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan langkah-langkah Kerajaan untuk memperkukuhkan pungutan hasil dan mengurangkan defisit keseluruhan Belanjawan Kerajaan Persekutuan. Tetapi saya ingin membuat teguran-teguran dan pandangan serta pertanyaan-pertanyaan berkenaan dengan langkah-langkah yang berkenaan.

Pertama, berkenaan dengan kenaikan faedah ke atas pinjaman perumahan dan pinjaman kereta daripada 4% ke 6% serta pembekuan gaji selama tiga tahun nampaknya hanya ditumpukan khusus kepada mereka-mereka dalam kategori B dan C. Ini pada hemat saya satu bebanan yang amat berat sekali kepada kumpulan-kumpulan yang termasuk dalam kategori B dan C. Saya takut kalau setelah dikuatkuasakan, tindakan ini bukan sahaja Kerajaan tetapi pegawai-pegawai Kerajaan pun juga akan menghadapi masalah defisit akaun semasa serta juga mengalami keadaan negatif "take home pay", dengan izin, almaklumlah tiap-tiap pegawai Kerajaan itu tentunya mempunyai commitment dengan berbagai-bagai pendirian mereka, beli dan berhutang, kena bayar tiap-tiap bulan dan dengan keadaan diwujudkan dengan serta merta ini mungkin membabitkan mereka dengan keadaan ekonomi yang tidak menentu. Bertambah pula dengan penarikan balik pengecualian cukai ke atas pendapatan sewa rumah yang terpaksa dikosongkan disebabkan berpindah tempat kerja.

Saya ingin tahu juga berapa banyakkah sebenarnya jumlah wang yang telah dapat diselamatkan atau dijimatkan dengan penarikan balik

pegecualian cukai ke atas pendapatan sewa rumah yang terpaksa dikosongkan ini. Adakah ini merupakan satu jumlah yang besar yang patut kita mengambil tindakan yang sebegitu kuat, sebegitu aggressive, dengan izin, terhadap mereka yang telah dibebankan dengan dua tiga kenaikan yang lain itu. Saya ingin tahu oleh kerana dengan tekanan-tekanan yang begitu kuat, satu persoalan pun juga timbul yang mana dapatkah mereka ini mempertingkatkan mutu kerja serta produktiviti mereka seperti yang diharap-harapkan oleh kita semua.

Kita sesungguhnya berharap dan berdoa agar kakitangan awam Kerajaan ini akan dan sanggup berkorban buat seketika waktu sehingga keadaan yang tenat ini pulih kembali.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah langkah berkenaan dengan mengenakan cukai 100% ke atas pencen yang kedua dan seterusnya. Saya ingin bertanya berapakah orang yang terlibat dengan pencen kedua dan seterusnya serta juga berapa banyakkah wang yang akan dapat dijimatkan. Saya soalkan isu ini oleh kerana setelah memikir dan merenung akan mereka yang berkenaan itu yang mana kebanyakan mereka adalah orang-orang tua dan mereka yang telah mencurahkan jiwa raga dan berkorban apa sahaja setengah-setengahnya hampir-hampir sepanjang hayat mereka tetapi tiba-tiba dengan mengejut terpaksa dipotong pula sumber pendapatan mereka yang mana pada setengah-setengah mereka mungkin itu sahajalah tempat mereka bergantung.

Pada hemat saya adalah lebih adil sekiranya potongan pencen ini dibuat secara "case per case" yang mana yang muda sedikit itu dan berkemampuan dikenakan cukai yang disebutkan tadi. Tetapi kepada mereka yang telah tua

dan uzur pula dan kurang berkemampuan, sepatutnya pegecualian itu diberi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pencen juga saya ingin menyarankan agar pencen untuk anggota-anggota askar yang dihapuskan dalam Belanjawan ini sepatutnya dipertimbangkan semula, kerana anggota-anggota pertahanan atau askar-askar ini cara kerja mereka agak berlainan daripada kakitangan-kakitangan awam yang lain. Mereka sentiasa menghadapi cabaran-cabaran yang hebat dan merupakan pekerjaan "high risk", dengan izin, lebih-lebih lagi apabila mereka gugur di medan perang tanpa pencen apakah akan jadi kepada janda dan anak-anak mereka yang ditinggalkan itu.

Langkah yang ketiga yang ingin saya menarik perhatian Dewan ialah tentang cukai jualan (sales tax) ke atas rokok dan minuman keras yang telah ditingkatkan kepada 15%. Ini saya sokong dan saya ucapkan tahniah di atas langkah Kerajaan di mana kedua-dua bahan ini merupakan bahan yang tidak perlu, tambahan pula ia merupakan bahan yang merosakkan kesihatan rakyat keseluruhannya. Tetapi mengapakah setakat rokok sahaja yang dikenakan cukai jualan, mengapa tidak cukai duti import pada tobacco, dengan izin, dinaikkan sama. Ini telah pun pada hemat saya telah merugikan Kerajaan. Sepatutnya cukai import kepada tobacco pun dinaikkan sama oleh kerana banyak rokok-rokok yang didapati dalam negara ini tobacco nya adalah datangnya dari luar negeri.

Kalau kita tekankan sales tax, dengan izin, dengan lebih tinggi maka akan dapat menambahkan lagi pendapatan hasil kepada Kerajaan. Tambahan lagi dengan kenaikan duti import ke atas tobacco maka penanam-penanam tobacco tempatan pun akan dapat lebih banyak untung di atas

saingan harga bahan tobacco yang diimport. Begitu juga dengan minuman keras, Tuan Yang di-Pertua, yang diimport itu secara pukal ataupun di dalam keadaan yang banyak tidak dikenakan kenaikan cukai. Ini pun aneh juga. Ini pun mungkin satu "oversight" oleh Kerajaan di mana saya harap pihak Kerajaan akan dapat mengkaji semula sistem cukai untuk memperkukuhkan pungutan hasil Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah keempat, saya bersetuju tentang membaiki sistem pungutan cukai pendapatan dan menseragamkan peraturan di seluruh negara sepertimana dicadangkan skim potongan cukai bulanan diwajibkan jika jumlah cukai yang dikenakan melebihi \$500 untuk mana-mana tahun taksiran. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, masih banyak lagi perkara yang mengelirukan. Contohnya bilakah potongan itu akan dibuat, untuk berapa lama, berapa peratus pula daripada gaji bulanan akan dipotong dan kalau dipotong terlebih atau terkurang bagaimana pula keadaannya. Kita minta penjelasan daripada pihak Kementerian yang berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamad Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup Yang Berhormat.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Minta seminit dua lagi, Tuan Yang di-Pertua, untuk saya menggulung.

Timbalan Yang di-Pertua, (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sila gulungkan.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Terima kasih. Satu perkara lagi tentang cukai persendirian dan syarikat juga sepatutnya ditimbang jua supaya dikurangkan—ini tetap

dibuat oleh kerana keadaan yang mana ekonomi menekan, sepatutnya dikurangkan untuk membolehkan banyak lagi "take home pay", dengan izin, dapat diterima oleh orang-orang persendirian dan juga supaya syarikat dapat invest semula dalam negara ini. Juga tentang, dengan izin, tax span di mana pendapatan pertama sebanyak \$2,500 itu sepatutnya dipertingkatkan sekurang-kurangnya kepada \$5,000. Pendapatan yang pertama ini patut dikenakan cukai sebanyak 5% pada permulaannya dan seterusnya meningkat ke atas. Itu tentang cukai persendirian.

Kedua, tentang masalah kerjasama ekonomi Malaysia dan Singapura. Saya ingin mengambil sedikit masa oleh kerana ianya penting dan oleh kerana Malaysia dan Singapura merupakan negara seperti adik kandungan ataupun sebagai "Siamese twins", dengan izin. Kalau ekonomi Malaysia runtuh, Singapura akan terlibat. Begitu juga kalau ekonomi Singapura runtuh, Malaysia juga akan terlibat. Tetapi sekarang ini kita nampak tidak ada keseimbangan, tidak ada kerjasama, tidak ada pakatan antara kedua-dua negara ini. Oleh kerana itu ini sangat merugikan negara Malaysia. Sepatutnya ada pakatan, ada kerjasama dan ada satu understanding, dengan izin, di antara kedua buah negara ini agar banyak duit tidak akan mengalir keluar daripada Malaysia ke Singapura. Sebagai contohnya, baru-baru ini kita dapat tahu bahawasanya faedah untuk simpanan tetap di Singapura telah pun meningkat kepada 14% ke atas simpanan duit ringgit Malaysia. Ini dengan cara otomatis akan membawa keadaan pengaliran wang ringgit daripada Malaysia ke Singapura dengan banyak jika kita menyekatnya secara cepat. Maka saya harap satu pakatan, satu kerjasama yang lebih erat dapat dibuat di antara Malaysia dengan Singapura untuk mengurangkan pengaliran wang ringgit keluar daripada negara kita.

Yang akhir, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengambil sedikit masa untuk memberi pendapat saya tentang keadaan yang mana kita sedang sibuk memulihkan ekonomi dan memperbaiki keadaan iklim politik, terdapat juga sedikit masalah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:di antara semasa kita yang memperhangatkan suasana baik di dalam mahupun di luar Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua, (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, cukuplah setakat itu. Yang Berhormat boleh bercakap semasa dalam Committee Stage.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua di atas understanding itu, di atas peluang saya berucap. Terima Kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Bakri.

4.35 ptg.

Tuan Chua Jui Meng (Bakri): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 1987. Menteri Kewangan patut ditahniahkan kerana membentangkan suatu Belanjawan yang berani dan pada masa yang sama tidak membebaskan rakyat.

Saya hanya akan menyentuh beberapa aspek pelajaran. Belanjawan 1987 telah memberi keutamaan kepada Kementerian Pelajaran dan saya berfikir tindakan tersebut adalah berpatutan. Sebanyak \$4,820,640,790 telah diperuntukkan kepada

Kementerian Pelajaran. Kepentingannya dapat dilihat bahawa peruntukan \$4.82 bilion ini adalah lebih daripada jumlah peruntukan yang diberi kepada 16 Kementerian yang lain termasuk Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perusahaan Utama, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan lain-lain lagi.

Satu sebab kenapa jumlah peruntukan yang begitu besar diperuntukkan kepada Kementerian Pelajaran ialah kerana terdapat seramai 3,549,671 kanak-kanak kita belajar di dalam sistem pelajaran tempatan dari sekolah rendah sehingga tahap pengajian tinggi dalam tahun 1985. Pendek kata setiap keluarga Malaysia terlibat secara langsung dalam sistem pelajaran negara. Satu sebab lain ialah sistem pelajaran kita merupakan alat terpenting dalam memupuk perpaduan negara. Jika ini dirumuskan dan dilaksanakan dengan teratur, kita tidak akan dapat mencari peluang yang lebih baik untuk menanam ciri-ciri cintakan Raja dan Negara serta memupuk semangat setiakawan di dalam hati warganegara muda kita. Jika sistem pelajaran kita salah dirumuskan dan dilaksanakan, ia boleh menjadi alat yang paling merbahaya dan akan mengekalkan dan menetapkan amalan polarisasi kaum di negara kita.

Dengan mengakui kebenaran kata-kata pendahuluan bab pelajaran dan latihan dalam Rancangan Malaysia Kelima yang mengatakan tujuan pelajaran dan latihan pada keseluruhannya ialah untuk memupuk perpaduan negara, Belanjawan 1987 juga mengutamakan kawasan luar bandar dari segi peruntukan pembangunan, 2/3 peruntukan pembangunan ditujukan kepada

kawasan luar bandar. Selaras dengan hal ini, Menteri Pelajaran dilaporkan akan memberi keutamaan kepada pembangunan sekolah-sekolah luar bandar.

Bersesuaian dengan pengumuman ini, saya bagi pihak penduduk kawasan Parlimen Bakri ingin mengambil kesempatan ini menyeru Menteri Pelajaran membina sebuah sekolah menengah di Mukim Air Hitam yang mempunyai penduduk Melayu seramai 14,000 orang. Di kawasan ini yang terletak sejauh 6 batu di sepanjang jalan Muar-Yong Peng tidak terdapat sebuah sekolah menengah. Akibat daripada ini penduduk luar bandar yang miskin di sini terpaksa menghantar anak-anak mereka ke sebuah sekolah menengah yang terletak lebih 10 batu jauh dari rumah mereka dengan bas. Ini telah membebankan penduduk kawasan saya. Ibubapa keluarga besar telah mencerita kepada saya kerana anak-anak mereka belajar di sekolah-sekolah yang berlainan, mereka seringkali menghadapi masalah mengingati sekolah mana setiap anak mereka belajar. Satu rayuan telah dihantar kepada Menteri Pelajaran, dan saya berharap Menteri Pelajaran akan memberi rayuan tersebut keutamaan yang sewajarnya.

Di Kampung Baru Bukit Bakri yang mempunyai jumlah penduduk seramai 10,000 orang hanya terdapat SRJKC Punan. Sekolah ini sangat memerlukan pemuliharaan dan pembinaan bilik-bilik darjah yang baru demi menampung jumlah penduduk yang kian meningkat. Saya berharap Menteri Pelajaran akan menimbang keperluan sekolah ini.

Di dalam menitikberatkan pembangunan pelajaran di luar bandar, saya menyeru Menteri Pelajaran memberi penekanan yang saksama kepada penduduk Kampung-kampung Baru. Ini adalah kerana

kedudukan pelajaran yang kian merosot di Kampung Baru. Adalah dianggarkan bagi setiap 100 pelajar Kampung Baru yang belajar di Tingkatan Peralihan, 50% daripada mereka menarik diri sebelum mengambil peperiksaan SRP, 24% pula menyambung pelajaran mereka kepada Tingkatan IV, manakala hanya 8% sampai ke tahap pra-universiti dan kurang daripada 2% pergi ke universiti.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin pula bercakap tentang pelajaran tinggi. Menteri Kewangan mesti dipuji atas peruntukan sebanyak \$125 juta untuk meningkatkan pengambilan pelajar-pelajar ke dalam universiti-universiti tempatan pada tahun 1987. Adalah dilaporkan yang Kementerian Pelajaran telah menyuruh universiti-universiti tempatan untuk meningkatkan pengambilan sebanyak 25%. Berdasarkan pengambilan 8,213 pelajar pada tahun 1985 untuk ijazah pertama, peningkatan sebanyak 25% akan mengakibatkan pertambahan 2,053 tempat untuk ijazah pertama, memberikan kita sejumlah 10,226 tempat untuk ijazah pertama dalam tahun 1987.

Pada tahun 1985 negara kita telah membelanjakan lebih kurang \$1.2 billion untuk pelajar luar negeri, peningkatan sebanyak 25% ini akan mengurangkan pengaliran matawang keluar negeri. Dari pertanyaan-pertanyaan, saya telah mengetahui yang seorang pelajar universiti tempatan dapat menyara dirinya dengan \$3,000 setahun. Bandingkan jumlah ini dengan keperluan seorang pelajar luar negeri. Pada puratanya seorang pelajar luar negeri memerlukan \$20,000 setahun. Penambahan pengambilan pelajar-pelajar dalam universiti-universiti tempatan adalah suatu penambahan yang besar dan ini merupakan lanjutan kepada matlamat Barisan Nasional untuk mempertingkatkan taraf

pelajaran tinggi dalam negara ini. Dalam jangka masa Rancangan Malaysia Keempat 1981 hingga 1985, Kerajaan telah meningkat tempat-tempat universiti sebanyak 50% iaitu dari 5,501 pada tahun 1980 kepada 8,213 dalam tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak MCA mengalu-alukan tindakan Menteri Pelajaran dalam mengesyorkan kuota 55% untuk pelajar-pelajar bumiputera dan 45% untuk pelajar-pelajar bukan bumiputera ke dalam kursus Ijazah Pertama dalam Institusi-institusi Pelajaran Tinggi Tempatan. Kuota ini telah dipersetujui dalam tahun 1979 dan saya difahamkan pengambilan pelajar bukan bumiputera ke dalam kursus-kursus ijazah dalam negeri akan meningkat sebanyak 2% setahun mulai tahun 1980 sehingga pelajar-pelajar bukan bumiputera mencapai 45%. Saya difahamkan juga matlamat 45% ini patut dicapai pada tahun 1985.

Sebelum pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dalam tahun 1970, kedudukan pelajar-pelajar dalam ketiga-tiga universiti tempatan ketika itu adalah terdiri dari 40% bumiputera dan 60% bukan bumiputera dari jumlah kursus ijazah.

Demi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru suatu usaha yang giat telah dijalankan untuk menggambarkan bilangan pelajar bumiputera dalam semua Institusi-institusi Pelajaran Tinggi supaya kedudukan ini akan terbalik songsang menjelang 1990.

Kemasukan pelajar bumiputera telah meningkat dari 40% pada tahun 1970 kepada 62% pada tahun 1980, suatu peningkatan sebanyak 22%. Bandingkan ini dengan kemasukan pelajar-pelajar bukan bumiputera telah merosot daripada 60% kepada 38%, satu kemerosotan sebanyak 22% dalam jangka masa yang sama.

Pada permulaan Rancangan Malaysia Kelima, kuota pelajar bukan bumiputera yang mengikuti Kursus Ijazah Pertama sepatutnya meningkat sebanyak 2% setahun dari 38% dalam tahun 1980 kepada apa yang saya katakan tadi iaitu 45% menjelang tahun 1985.

Mengikut Rancangan Malaysia Kelima penyertaan pelajar dalam negeri ini dapat dilihat dengan jelas, dengan izin:

“Kadar penyertaan pelajar bumiputera di peringkat ijazah telah bertambah daripada 62% pada tahun 1980 kepada 63% pada tahun 1985, manakala kadar penyertaan bukan bumiputera telah berkurang daripada 38% pada tahun 1980 kepada 37% pada tahun 1985.”

Angka sebanyak 37% untuk pelajar bukan bumiputera termasuk Kolej Tunku Abdul Rahman sebuah Institusi yang dibiayai oleh MCA. Institusi ini dapat menampung sejumlah 2,099 pelajar Kursus Ijazah pada tahun 1985. Penyertaan pelajar bukan bumiputera sepatutnya ditambah dari 38% kepada 45% menjelang tahun 1985 mengikut polisi yang telah ditetapkan. Tetapi sebaliknya telah berlaku penyertaan pelajar bukan bumiputera di Malaysia telah merosot sebanyak 1% dari 38% kepada 37% pada tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu penyelewengan dari polisi yang telah dipersetujui. Jika ini adalah benar dan demi kepentingan Kerajaan dan negara, langkah-langkah penting patut diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk mengatasi penyelewengan ini, hanya melalui pelaksanaan yang ikhlas dan saksama ke atas polisi yang dipersetujui barulah Kerajaan Barisan Nasional dapat sokongan ikhlas dari rakyat.

Memandangkan penambahan besar sebanyak lebih kurang 2,000 tempat

untuk Kursus Ijazah dalam Institusi-institusi Pengajian Tinggi dalam tahun 1987, Kementerian Pelajaran berupaya untuk mengatasi dan mengimbangi apa-apa kekurangan yang dialami oleh masyarakat bukan bumiputera dalam menyertai Kursus-kursus Ijazah mengikut peruntukan dibawah Rancangan Malaysia Keempat 1981 hingga 1985.

Saya ingin juga mengambil peluang ini untuk menarik perhatian kepada bidang-bidang pelajaran tinggi yang lain iaitu Kursus Sijil dan Kursus Diploma. Penyertaan masyarakat bukan bumiputera adalah kurang memuaskan di dalam kedua-dua bidang ini.

Penyertaan pelajar bumiputera dalam Kursus Sijil adalah 66% dalam semua Institusi Pengajian Tinggi tempatan, jikalau tidak memasukkan bilangan daripada institusi-institusi swasta, manakala penyertaan pelajar bukan bumiputera hanya 34% sahaja.

Dari segi kursus-kursus yang menuju ke tahap Diploma di Institusi Pengajian Tinggi Tempatan, perangkaan adalah memeranjatkan. Daripada jumlah kemasukan 25,046 dalam tahun 1985 kepada politeknik-politeknik tempatan, Kolej Tunku Abdul Rahman, Institut Teknologi MARA, Universiti Pertanian Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia 94% atau 23,560 tempat adalah untuk pelajar bumiputera, sementara 1,486 tempat atau 6% diberi kepada pelajar-pelajar bukan bumiputera. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, satu usaha yang gigih sangat perlu dilaksanakan oleh Kerajaan untuk memperbaiki kedudukan yang jelas tidak sama ini.

Saya menyeru Kerajaan mengamalkan prinsip kuota 55%:45% seperti yang dipraktikkan bagi kursus Ijazah dilanjutkan kepada peruntukan tempatan dalam Kursus Sijil dan Diploma.

Sebagaimana Presiden MCA Dato Dr Ling Liong Sik pernah berkata satu ketika dahulu, MCA mempertahankan berbagai keazaman yang saksama, mesti dipraktikkan demi menyelesaikan masalah semua community yang berbilang kaum. Melalui usaha-usaha ini kita akan dapat melangkah setapak lagi kearah membina bangsa Malaysia.

Dengan ucapan ini, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1987.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Tanjong Aru.

4.49 ptg.

Tuan Hsing Yin Shean (Tanjong Aru): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Usul Belanjawan 1987 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini pada 24hb Oktober, 1986.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah berkata bahawa Kerajaan akan memberi keutamaan tinggi kepada Rancangan Perumahan Kos Rendah, membina 80,000 unit rumah kos rendah setiap tahun dari tahun 1986 hingga tahun 1988 yang akan dibiayai oleh institusi bank sebanyak \$200,000 juta setahun.

Memandangkan situasi ini kita tahu bahawa perindustrian pembangunan negara kita telah merosot. Bagaimanakah keadaan ini boleh terjadi, oleh kerana Kerajaan tidak ada polisi untuk mengawal dan melindungi perindustrian pembangunan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin Kerajaan mesti ada satu polisi pembangunan nasional untuk

memeriksa keperluan di negara ini, dengan itu Kerajaan perlulah menubuhkan sebuah pasukan khas untuk mengumpulkan maklumat tentang keperluan membuat kajian dan memberi statistik kepada sesebuah negara. Dengan cara ini Kerajaan dapat melaksanakan rancangan perumahan. Ini dapat memastikan semua rancangan-rancangan dilaksanakan dengan sempurna dan keputusan dapat dibuat serta dilaksanakan secepat mungkin. Sekiranya Kerajaan ada pasukan khas ini dari awal lagi sudah tentu Kerajaan tidak ada masalah seperti yang terjadi terhadap 126 buah projek yang terpaksa diberhentikan. Projek-projek tersebut dilancarkan masa lampau iaitu lima tahun lalu, di mana pemaju-pemaju pembangunan lebih mementingkan pada bangunan bertaraf tinggi dan pembangunan harta, pembangunan harta disediakan terutama kepada orang-orang dengan pendapatan tinggi. Rancangan rumah kos rendah dan rumah sederhana dianggap satu tanggungan kepada keuntungan pemaju.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ini berjuta-juta ringgit diikatkan pada 2,000 unit rumah yang tidak dapat dijual di seluruh Sabah. Setakat ini rumah kos rendah tidak mencukupi melayan orang-orang berpendapatan rendah di Sabah. Menimbang keadaan begini saya harap Kerajaan membuat tindakan dengan segera untuk membina 2,290 rumah kos rendah di Sabah yang dinyatakan oleh Menteri Pembangunan Negara dan Luar Badar. Sejak Kerajaan menyatakan tidak ada rancangan atau tujuan untuk menswastakan rumah kos rendah yang dibina oleh Kerajaan, kenapa Sabah Housing and Town Development Authority merancang menswastakan lebih dari 300 unit rumah kos rendah di Tanjung Aru iaitu di daerah saya oleh kerana kemunduran dan pengangguran yang banyak di daerah ini, 99% orang yang tinggal di sini

menentang penswastakan tetapi Sabah Housing and Town Development Authority menegaskan penswastakan adalah kebaikan orang ramai. Tidakkah rancangan ini bertentangan dengan tujuan asal atau kehendak Kerajaan membantu orang-orang yang berpendapatan rendah. Saya berharap Kerajaan akan meneliti perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan pendatang-pendatang haram dan orang-orang pelarian adalah ancaman utama kepada rakyat Sabah demikian juga kepada rakyat Malaysia. Setakat ini ada 400,000 pendatang haram yang berselerak di seluruh Sabah menuntut sebanyak 100,000 diberikan kad pengenalan biru. Bila soal ini dibawa kepada Kerajaan tidak ada jawapan diberikan. Pendatang-pendatang haram dan orang-orang pelarian ini menjadi masalah kepada rakyat Sabah. Mereka ini membebankan negara dan juga membahagikan masalah-masalah seperti perompakan, pembunuhan, merogol, dadah dan meninggikan lagi taraf pengangguran. Teringatkah kejadian cetusan kekerasan berlaku oleh orang-orang itu pada bulan Mac di Kota Kinabalu, Sabah, kenapa kebanyakan yang mengambil bahagian adalah orang-orang Filipina. Ini ialah kerana mereka ini tidak tahu membuat apa-apa selain dari membuat kacau.

Tuan Yang di-Pertua, di Sabah State Police Commissioner baru-baru ini memberitahu bahawa orang-orang Filipina ini membentuk bilangan orang-orang yang terbanyak menjadi penagih dadah di Sabah. Kerajaan telah menyatakan bahawa buruh-buruh pendatang haram itu yang digajikan adalah susah dicari kerana mereka ini bekerja di kawasan-kawasan ulu dan pemencilan. Di sini saya hendak berkata bahawa terdapat juga mereka ini di mana-mana pun terutama di pasar, penjual-penjual ikan kita terpaksa bertanding dengan penjual-penjual ikan pendatang-pendatang haram orang Filipina ini

untuk mata pencarian. Baru-baru ini pada bulan September 20 orang Penguatkuasa dari Majlis Perbandaran Kota Kinabalu berlawan dengan sebanyak 100 pendatang-pendatang haram orang Filipina yang menjual ikan di pasar semasa menjalankan tugas mereka. Seorang dari Penguatkuasa Majlis Perbandaran Kota Kinabalu cedera disebabkan ditikam oleh mereka. Pulau Gaya adalah sebuah pulau berhadapan dengan bandar Kota Kinabalu, iaitu salah sebuah tempat di mana terdapat beribu-ribu pendatang haram dan orang-orang pelarian di situ.

Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Oktober tahun lalu lanun-lanun Filipina telah membunuh 10 orang Malaysia dan mencederakan 11 orang lagi dalam penyerbuan di sebuah bank selama dua jam di Lahat Datu, Sabah. Lanun-lanun itu merampas sebanyak \$200,000 dari bank itu dan melarikan diri dalam perahu. Di antara rakyat Malaysia yang terbunuh adalah lima orang polis. Hari Selasa yang lepas iaitu 28hb Oktober seramai 7 orang Filipina yang bersenjata menyerbu sebuah kampung nelayan di daerah Beluran iaitu 160 kilometer ke arah barat Sandakan, Sabah. Mereka melarikan sebanyak \$40,000 dan barang-barang berharga. Bagi pihak rakyat Sabah, saya meminta Kerajaan Persekutuan bertindak dengan serta merta sama ada untuk mengusir atau untuk menghantar penghijrah-penghijrah haram pulang ke negara asal mereka. Sejak penyerbuan orang-orang Jepun dalam tahun 1944 kita tidak menghadapi apa-apa ancaman dari pendatang-pendatang haram.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah negara demokrasi. Adalah tidak diterima sama sekali bahawa dengan konsert-konsert rock menyebabkan kejatuhan atau keruntuhan akhlak di kalangan muda-mudi, contohnya konsert Battle of Bands di Pulau Pinang baru-baru ini.

Pengharaman muzik rock yang dianjurkan secara terbuka ataupun secara open public concert, dengan izin, adalah tidak begitu lojik dan tindakan Kerajaan ini sama seperti kata pepatah Melayu: "Marahkan nyamuk, kelambu dibakar". Keputusan ini diambil setelah dikaji dengan sedalam-dalamnya segala sudut implikasi muzik rock jenis ini tetapi saya percaya ada kesilapan semasa membuat kajian ini. Walaupun Kerajaan membatalkan konsert rock tetapi Kerajaan tidak terus membatalkan muzik rock atau menghentikan orang-orang dari mendengarnya. Selain dari itu generasi-generasi muda boleh juga dipengaruhi oleh muzik rock barat.

Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan telah lupa akan peminat-peminat rock music juga terdengar di Pub dan di Kelab. Di sini saya ingin tahu adakah Kerajaan sedar bahawa dadah akan memainkan peranan yang penting dengan menutup pintu kepada concert rock. Ini akan menyebabkan jenerasi muda memilih dadah sebagai hiburan untuk mententeramkan fikiran mereka.

Jika dikatakan concert rock mempengaruhi generasi muda ke arah dadah, merendah nilai-nilai akhlak, kelakuan yang sumbang dan lain-lain lagi tetapi Kerajaan harus sedar bahawa sebelum concert rock diadakan terdapat ramai belia kita yang menghisap dadah. Kerajaan telah merampas hak generasi muda memilih muzik yang disukai. Adakah Kerajaan memikirkan perasaan mereka dan juga pemain-pemain band concert rock? Dengan mengadakan rancangan pengawalan keselamatan yang baik dan terkawal, tentulah tidak akan terjadi sekali lagi kejadian yang malang seperti yang berlaku di Pulau Pinang baru-baru ini.

Akhirnya saya pasti orang-orang yang menghisap dadah tidak akan

dikurangkan jika concert rock dibatalkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Lubuk Antu.

5.02 ptg.

Tuan Andrew Janggi Muyang (Lubuk Antu): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, berjabat salam pembuka kata, sekapur sireh daya negara, menjunjung kasih ikatan mesra, bangun menyokong Ucapan Belanjawan Negara. (*Tepuk*)

Dari scenario yang memaparkan dalam Ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 24hb Oktober, 1986, kita dapati secara keseluruhannya tidak membebankan rakyat dan secara bersederhana dalam beberapa approach bagi kita menghadapi kelembapan pertumbuhan ekonomi yang dikira akan lebih mencabar dalam kita menghadapi Rancangan Malaysia Kelima ini. Dalam keadaan yang demikian persefahaman dan kerjasama dari seluruh masyarakat Malaysia, haruslah dipertingkatkan supaya tidak satu golongan yang akan tertinggal dalam pengagihan khazanah negara.

Setiap sektor masyarakat harus mengenyepikan kepentingan sesuatu kaum dan harus meningkatkan daya produktiviti dan memerangi kemelesetan ekonomi dunia. Saya memang mengalu-alukan pandangan Kerajaan yang menumpukan perhatian kepada penggal kali ini ke arah pembangunan luar bandar di mana ianya mencerminkan kesungguhan Kerajaan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, lebih lagi masyarakat di luar bandar khususnya masyarakat Dayak di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan pelajaran di Sarawak

kalau dibandingkan dengan negeri di Semenanjung Malaysia masih lagi jauh ketinggalan dari segi peruntukan pembangunan di sektor ini. Oleh yang demikian saya memohon agar penekanan yang harus dibuat di dalam menampung kekurangan bilangan guru yang begitu besar. Masalah kekurangan guru boleh kita atasi dengan mengambil lebih banyak lepasan sekolah menengah yang sedia iaitu memerlukan kredit dalam Bahasa Malaysia sebaliknya menerima mereka yang mendapat kepujian dalam mata pelajaran lain dan harus mendapat kelulusan dalam Bahasa Malaysia itu diterima memasuki Maktab Perguruan. Dengan kelonggaran yang demikian dapatlah juga kita membendung kekurangan guru dan seterusnya mengurangkan bilangan pengangguran di kalangan masyarakat terutama di kawasan luar bandar.

Perkhidmatan perguruan haruslah diselaraskan sebagai satu dasar nasional yang benar-benar dapat diterima serta memberi manfaat menyeluruh kepada masyarakat guru di seluruh negara dengan tidak mengenal dari wilayah mana sekalipun mereka datang akan menerima layanan yang setara. Mengikut pada hari ini guru dari satu wilayah dan wilayah yang lain mendapat ganjaran berlainan jika mereka bertugas di luar wilayah mereka sendiri. Apakah banyak dengan wilayah Sarawak adalah guru di Sarawak sebagai guru luar atau sebaliknya.

Kita tidak dapat menafikan bahawa pencapaian Bahasa Malaysia memang belum lagi mencapai ke tahap yang boleh dibanggakan, lantaran terlalu banyak kekurangan dalam berbagai segi iaitu faktor sejarah, faktor pertuturan masyarakat bumiputera bukan Melayu, kekurangan guru yang fasih berbahasa Malaysia dan kekurangan bahan bacaan dalam Bahasa Malaysia di peringkat sekolah rendah dan menengah.

Bilangan kemasukan para pelajar dari Sarawak ke institusi pengajian tinggi terlebih lagi ke universiti-universiti tempatan berkurang dari setahun ke setahun. Oleh yang demikian, saya memohon kepada Kementerian Pelajaran untuk memberi kuota kemasukan khususnya pelajar-pelajar bumiputera dari negeri Sarawak. Dewasa ini pengambilan kemasukan para pelajar ke universiti tempatan tidak benar-benar mengamalkan pengagihan sebenarnya bilangan bumiputera yang diterima masuk mengikut takrif bumiputera secara menyeluruh.

Pandangan sedemikian ketara dari data-data dan butir-butir keperluan serta status yang dikehendaki dalam borang permohonan kemasukan ke institusi pengajian tinggi yang hanya menawarkan suku bangsa pemohon yang bilangan penduduknya banyak sahaja, umpamanya di dalam borang meminta kenyataan sama ada pemohon itu Melayu, Cina, India dan lain-lain. Ke manakah perginya masyarakat bumiputera yang bukan Melayu itu disenaraikan?

Kami bumiputera bukan Melayu seolah-olah kami dianggap sebagai kaum lain dan tidak wujud dan tidak mempunyai tempat dalam pengagihan bilamana hendak memasuki institusi pengajian tinggi di negara sendiri. Di sini saya ingin ajukan sekali lagi pertanyaan kepada Kementerian Pelajaran, apakah perlunya dikhususkan kriteria perkauman dalam borang permohonan itu untuk memasuki institusi pengajian tinggi sedangkan sesuatu masyarakat di Malaysia itu senang dikenali mengikut pola dan ciri masyarakat itu sendiri. Umpamanya orang India dan Cina, ada ciri yang tersendiri yang mudah kita kenali, manakala orang Melayu dengan bin dan binti, orang suku Dayak di Sarawak dengan anak atau nama yang sememangnya menunjukkan anak peribumi.

Ini sudah cukup untuk mengenal bumiputera atau tidaknya seseorang itu bilamana menghantar permohonan mereka. Ini tidak, kami suku Dayak dimasukkan di dalam kriteria lain-lain. Apakah kami orang Dayak itu memang tidak mempunyai status atau tempat dalam negaranya sendiri? Kami masyarakat Dayak merasa sudah tiba masanya kami menagih kasih kepada masyarakat Malaysia, memandangkan bilangan kami hampir sama banyaknya dengan orang-orang India di Malaysia ini.

Biarlah di kalangan bumiputera itu tidak ada tinggi rendah mertabatnya sesuatu suku kaum itu supaya dapat sama-sama kita memperjuangkan hak bumiputera selaras dengan cita-cita murni yang kita sama terokai selama ini. Laungan yang hanya bersikap berkelompok dan berpuak hanya mendatangkan curiga dan mencurigai di antara satu masyarakat bumiputera itu dengan yang lain.

Bukan sahaja di dalam segi pengambilan para pelajar di institusi pengajian tinggi, kami masyarakat bumiputera di Sarawak merasa tertinggal malah di dalam pengenalan suku kaum di waktu merangka Dasar Ekonomi Baru pada banciaan tahun 1970 juga kita tertinggal dari perangkaan negara. Misalan, di dalam perangkaan, nisbah banci penduduk tahun 1970 hanya perangkaan semua keluarga dari Semenanjung Malaysia dirangka ukur pendapatan bagi rangka panduan mengenal pasti di bawah garis kemiskinan, pengukuran jumlah keluarga miskin 86% berada di kawasan luar bandar dan 14% di kawasan bandar juga di ukur di Semenanjung Malaysia.

Dari gambaran seperti termaklum, asas pengukuran dan pencapaian bumiputera di Sarawak tidak dapat sama rata dengan pencapaian masyarakat Melayu di Semenanjung

kerana masyarakat di Semenanjung, terutama masyarakat Melayu telah terdedah kepada iklim kemerdekaan iaitu sejak tahun 1957, manakala kami di Sarawak hanya pada tahun 1963.

Dalam pengenalan suku kaum untuk data perancangan sesuatu dasar itu, haruslah ia benar-benar bercorak multi-Malaysia supaya tidak ada sesuatu masyarakat pun tertinggal apabila ianya dilaksanakan nanti.

Pencorakan identiti yang tidak lengkap, kadangkala menyinggung perasaan sesuatu masyarakat itu kerana seolah-olah bila mana ada kepentingan yang menguntungkan itu masyarakat itu akan tersisih dari pengagihan yang sebenarnya. Bagi masyarakat bumiputera di Sarawak, memang sudah terkilan bila mana kuota pengagihan hak itu atau dalam kepentingan nasional mereka ditempatkan dalam kategori masyarakat lain iaitu bukan Melayu, Cina dan India.

Dalam konteks ini ciri yang ketara dari nisbah banci perangkaan tahun 1970 dalam pembentukan Dasar Ekonomi Baru, gambaran seperti yang kita ketengahkan adalah sungguh mengelirukan mengikut kaum:

<i>Jenis kaum</i>	<i>Kadar kemiskinan</i>	<i>Pendapatan purata sebulan</i>
Melayu ..	64.8%	\$172.00
Cina ..	26%	\$394.00
India ..	39.2%	\$304.00
Lain-lain masyarakat	44.8%	\$813.00

Jadi daripada ciri-ciri Dasar Ekonomi Baru tidak benar-benar mencorakkan keseluruhan masyarakat bumiputera di Malaysia. Oleh yang demikian, dalam memanjang serta melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan dan semua pihak yang berkaitan harus mengkaji semula dan membuat perangkaan yang lebih tepat

supaya semua masyarakat itu tidak ketinggalan dari arus pembangunan yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan Negara, 1987 ini ternyata sekali ia menitikberatkan pembangunan luar bandar iaitu dua-pertiga dari peruntukan negara. Dari jumlah yang begitu besar, memang sudah ketara, Kerajaan berhasrat untuk membela nasib rakyat yang berada di luar bandar yang masih ketinggalan, malah serba kekurangan. Masyarakat bumiputera di Sarawak terutama masyarakat Dayak yang kebanyakannya tinggal di kawasan luar bandar, sudah sememangnya berharap akan pembangunan selaras dengan cita-cita mereka, bila mana negeri Sarawak terlepas dari belenggu nukilan penjajah yang sentiasa menggambarkan kelemahan dan cara hidup yang mundur serta menggalakkan budaya primitif yang bertentangan dengan kemajuan manusia itu dipusakai sebagai bahan tontonan, saya rasa harus dikikis.

Memperdagangkan budaya yang bercorak kemunduran itu harus dibanteras kerana pendedahan serupa itu hanya memberi laba kepada para pedagang yang berorientasikan keuntungan sahaja yang merasa kepuasannya. Kami masyarakat Dayak di Sarawak sudah merasa jemu menjadi bahan tontonan yang merugikan itu. Kita memang mengalukan langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi memajukan Orang Asli supaya sama-sama dimajukan bersama kaum lain dan di antara lain Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga menjelaskan, ketika beliau melawat Puah Telanok, sebuah perkampungan Orang Asli, beliau berkata:

“Bahawa Kerajaan berhasrat memajukan masyarakat Orang Asli supaya setanding dengan masyarakat lain. Kita tidak mahu

melihat masyarakat Orang Asli menjadi tontotan para pelancong semata-mata. Mereka bukan bahan pameran”.

Bertolak dari kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu, saya percaya masyarakat Dayak di Sarawak juga tidak mahu jadi bahan tontonan dan pameran kepada para pelancong dari dalam dan luar negeri. Kami masyarakat Dayak di Sarawak juga memohon perhatian yang lebih, memandangkan bilangan masyarakat itu jauh lebih besar dari Orang Asli.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, dalam pertumbuhan penduduk yang begitu pesat di dalam negara maju seperti Malaysia, Jabatan Pendaftaran negara bertanggungjawab mengumpul, menyatu-padu dan mendaftarkan maklumat-maklumat penting penduduk seperti kelahiran, kematian, anak angkat, perkahwinan dan perceraian yang mustahak bagi maksud perancangan sosio-ekonomi negara. Dengan keadaan yang demikian, kita rasa perkhidmatan Jabatan itu harus dipertingkatkan lagi di kawasan luar bandar Sarawak, memandangkan masih banyak masyarakat bumiputera di luar bandar di Sarawak belum mempunyai kad pengenalan dan sijil kelahiran. Begitu juga halnya dengan pendaftaran perkahwinan, anak angkat dan kematian tanpa mempunyai rekod-rekod tertentu. Dengan yang demikian, sudah tentu anggaran perangkaan negara tidak akan menepati keperluan penduduk, kerana tidak ada angka-angka rasmi yang mencerminkan kedudukan yang sebenarnya. Dalam proses.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat sudah cukup. Sila gulungkan.

Tuan Andrew Janggi Muyang: Tuan Yang di-Pertua, setelah saya menghuraikan beberapa faktor seperti termaklum sebentar tadi, maka saya membuat kesimpulan bahawa pihak Kerajaan dan masyarakat Malaysia ini harus saling bantu membantu serta memahami kaedah dan struktur sesuatu masyarakat itu dengan rasional. Biarlah kita bina satu masyarakat Malaysia sebagai satu bangsa yang tinggi mertabatnya di muka bumi Tuhan ini. Dalam kita menyambut tahun baru, 1987 sekalipun dengan Belanjawan yang agak berkurangan, tetapi kita berteka penuh dengan usaha dan harapan untuk meninggikan produktiviti negara demi untuk keutuhan dan kesejahteraan kita bersama. Dengan itu, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Tampin.

5.17 ptg.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab (Tampin): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil peluang dalam perbahasan Belanjawan, 1987.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya fikir elok teruskan.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, dari segi strategi Belanjawan tahun ini merupakan perlanjutan strategi-strategi yang telah diambil dalam Belanjawan-belanjawan dalam tempoh dua-tiga tahun yang lepas. Yang berbeza hanyalah dari segi penekanan dan kesungguhan Kerajaan untuk melaksanakan strategi-strategi tersebut yang dirasakan adalah lebih kuat dan bersungguh-sungguh. Strategi-strategi Belanjawan tersebut:

- (i) mengurangkan peranan sektor awam di dalam ekonomi negara di samping memperteguhkan lagi kedudukan kewangannya;

- (ii) meningkatkan pertumbuhan eksport di samping mengurangkan import untuk memperbaiki kedudukan imbalan pembayaran negara; dan
- (iii) memperbaiki iklim pelaburan serta meningkatkan keyakinan pelaburan terhadap negara.

Strategi pertama tidak boleh tidak perlu dilanjutkan memandangkan kepada kedudukan kewangan sektor awam termasuk perusahaan awam bukan kewangan pada tahun ini di mana Kerajaan Persekutuan buat pertama kalinya semenjak tahun 1980 telah mengalami defisit dalam akaun semasanya sebanyak \$1.3 billion pada tahun ini dan defisit ini dijangka akan meningkat kepada \$2.7 billion pada tahun hadapan.

Kerajaan Persekutuan juga buat pertama kalinya semenjak tahun 1980 telah mengalami kejatuhan kutipan hasil sebanyak 7.4% pada tahun ini berbanding dengan tahun lepas. Kekurangan defisit keseluruhan sektor awam yang disatukan, dengan izin, consolidated public sector telah meningkat dengan pesat ke paras yang paling tinggi dalam sejarah iaitu kepada sebanyak \$12.5 billion pada tahun ini.

Jumlah hutang sektor awam juga telah mencapai tahap yang paling tinggi dalam sejarah iaitu sebanyak \$87 billion pada tahun ini. Sebanyak \$40.1 billion daripadanya merupakan hutang luar negeri sektor awam. Senarai di atas boleh dilanjutkan lagi, tetapi pada keseluruhannya ia mencerminkan kedudukan kewangan sektor awam yang malap dan kritikal. Di antaranya adalah akibat dari saiz dan peranan sektor tersebut yang terlalu besar berbanding dengan beberapa negara lain termasuk Jepun, Korea Selatan dan Singapura. Oleh sebab itu, maka sebahagian daripada langkah yang

diambil dalam belanjawan-belanjawan yang lepas, terutamanya Belanjawan tahun ini merupakan langkah-langkah yang wajar dan dialu-alukan dan dijangka akan menolong memperbaiki kedudukan kewangan sektor awam. Walau bagaimanapun, beberapa ulasan dan cadangan perlu diberikan berhubung dengan strategi itu.

Dari segi langkah Kerajaan untuk meningkatkan hasilnya, sememang diakui oleh Kerajaan dan saya sendiri juga bersetuju bahawa skop untuk menekan jenis-jenis cukai baru adalah terhad kerana sebahagian besar daripada asas-asas cukai kita telah digunakan. Malah, dengan izin, tax effort Malaysia, persatuan hasil cukai berbanding dengan KDNK didakwa adalah di antara yang tertinggi sekali. Kita juga tidak menjangkakan bahawa perubahan cukai yang diperkenalkan dalam Belanjawan tahun ini akan menghasilkan hasil bersih yang besar. Justeru itu, langkah untuk memperbaiki dan mempercepatkan jentera pengutipan hasil cukai merupakan satu-satunya langkah yang terpenting untuk meningkatkan hasil Kerajaan pada tahun hadapan. Walau bagaimanapun langkah untuk mengutip cukai pendapatan secara potongan gaji bulanan bermula pada bulan Januari hingga ke bulan Disember tidak akan meningkatkan jumlah hasil dengan banyaknya, tetapi ia dapat memperkemas lagi serta memudahkan pengutipan cukai tersebut dan mengurangkan tunggakan cukai.

Satu aspek berhubung dengan penaksiran dan pengutipan cukai pendapatan ini terutamanya cukai syarikat dan korporat ialah kejadian lari dari membayar cukai, dengan izin, tax avoidance, yang mengelak daripada membayar cukai, dengan izin, tax evasion, melalui berbagai-bagai cara yang sah dan juga tidak sah dari segi undang-undang, di antaranya termasuk mengurung anggarakan

pendapatan hasil kasar, dengan izin, under reporting of gross income, melebihi nilaian jumlah perbelanjaan, dengan izin, over-reporting of cost expenditure. Dengan mengamalkan kedua-dua aktiviti di atas, besar kemungkinannya syarikat-syarikat dan beberapa korporat, terutamanya perbadanan-perbadanan antara-bangsa, dengan izin, trans-national atau multi-national enterprises telah berjaya mengelakkan diri daripada membayar sejumlah cukai keuntungan yang besar pada tiap-tiap tahun kepada Kerajaan. Tidak dinafikan bahawa T.N.E.s di Malaysia seperti di beberapa negara lain kebanyakannya mengamalkan aktiviti harga pindahan, dengan izin, transfer pricing, iaitu membeli input daripada syarikat-syarikat induk cawangannya di luar negeri dengan harga yang sengaja ditinggikan, sementara menjualkan hasil keluarannya kepada syarikat induk atau cawangan di luar negeri dengan harga yang sengaja direndahkan. Dengan berbuat demikian, pendapatan bersih atau keuntungan yang boleh dikenakan cukai kelihatan kecil dan dengan itu jumlah cukai yang perlu dibayar juga turut berkurangan daripada yang sepatutnya.

Pada masa yang sama aktiviti ini membolehkan syarikat-syarikat memindahkan sebahagian besar daripada hasil keuntungan sumber negara kepada negara-negara lain. Dalam keadaan pendapatan syarikat yang agak lembab sekarang gejala ini meruncingkan lagi kedudukan jumlah pertukaran asing Malaysia. Walaupun perubahan cukai seperti penurunan cukai syarikat pada tahun 1984 dan pengurangan kadar tariff ke atas barang-barang input dan modal telah sedikit sebanyak mengurangkan berlakunya aktiviti ini, namun Kerajaan mesti mengambil langkah-langkah yang ketat untuk mengesan serta mengawal gejala ini. Memang diakui bahawa langkah ini sukar

dilakukan dan memerlukan kepakaran yang khusus berhubung dengan tingkah-laku dan amalan T.N.E.s berkenaan tetapi ia perlu dilaksanakan.

Langkah untuk memberhentikan pemberian status pencen kepada kakitangan awam baru dan belum lagi diletakkan ke dalam jawatan berpencen serta memerlukan kumpulan pekerja ini terus mencarum ke dalam KWSP merupakan langkah jangka panjang dan mempunyai kesan ke atas usaha mengurangkan perbelanjaan operasi Kerajaan. Melalui langkah ini Kerajaan dengan serta merta dapat meningkatkan jumlah caruman KWSP yang sebahagian besarnya dipinjamkan kepada Kerajaan untuk membiayai pembangunan semasa, sementara beban pembayaran pinjaman KWSP ini akan hanya dibayar sepenuhnya dan secara sekali gus apabila kakitangan berkenaan mencapai umur 55 tahun iaitu paling awal antara 10-15 tahun dari sekarang apabila Kerajaan dikehendaki membayar caruman pekerja serta caruman majikan beserta dengan faedah kompaunnya sekali.

Dengan berbuat demikian, Kerajaan sebenarnya mengalihkan sebahagian daripada tanggungan semasa kewangannya kepada generasi akan datang, dengan izin, inter-time shift in current financial burden. Oleh sebab itu Kerajaan harus menggunakan segala tambahan hasil yang diperolehi daripada langkah ini dengan sebaik-baiknya supaya generasi dan pemerintah akan datang tidak dibebankan dengan tanggungjawab yang tidak semestinya perlu mereka pikul jika sekiranya langkah ini tidak diambil. Oleh sebab langkah ini akan memudahkan penghijrahan kakitangan awam ke sektor swasta pada bila-bila masa, maka Kerajaan perlu membuat perancangan kakitangannya dengan rapi supaya perkhidmatan Kerajaan tidak terjejas

jika berlaku pemberhentian yang ramai kakitangan awam pada satu-satu tempoh bila pekerjaan di sektor swasta mampu memberi gaji dan upah yang lebih lumayan apabila ekonomi negara mengalami keadaan melambung nanti.

Kedudukan akaun semasa dalam imbalan pembayaran menunjukkan kemerosotan yang pesat pada tahun ini berbanding dengan tahun yang lepas. Defisit akaun semasa dalam imbalan pembayaran yang telah meningkat daripada \$1.7 billion pada tahun lepas kepada \$3.1 billion pada tahun ini. Pertambahan defisit sebanyak hampir 80% berbanding dengan pengurangan yang ketara pada tahun lepas dan jika kedudukan ini tidak diatasi, negara sekali lagi akan mengalami defisit yang besar seperti yang berlaku dalam tahun 1983 bila mana defisit akaun semasa dalam imbalan pembayaran mencapai tahap \$8.4 billion dan \$8.1 billion masing-masing. Punca utama defisit ini pada tahun ini adalah disebabkan oleh kemerosotan dalam harga komoditi eksport negara, sementara harga import tidak berkurangan dengan sama pesatnya. Awal tahun ini Bank Negara menganggarkan bahawa kerugian yang terpaksa dialami oleh negara pada tahun ini akibat daripada kemerosotan harga eksport ini yang dijangka meningkat kepada \$7.3 billion berbanding dengan kerugian sebanyak \$2.3 billion pada tahun lepas. Di samping itu pula defisit dalam akaun perkhidmatan walaupun berkurangan sedikit tetapi ianya masih lagi besar iaitu sebanyak \$10 billion. Kedua-kedua keadaan ini, kemerosotan dalam imbalan perdagangan dan perkhidmatan, telah menyebabkan peningkatan dalam defisit akaun semasa imbalan pembayaran negara.

Oleh sebab itu langkah-langkah yang dicadangkan dalam Belanjawan baru-baru ini adalah dianggapkan penting dan munasabah. Namun terdapat beberapa langkah lagi yang belum

diambil perhatian dengan serius, salah satu daripadanya ialah penggunaan polisi alakadar pertukaran matawang negara untuk mengatasi kedudukan ketidak-seimbangan dalam imbalan pembayaran. Banyak kajian menunjukkan bahawa nilai ringgit kita adalah terlebih dinilai, dengan izin, grossly over-valued. Ini mengakibatkan daya persaingan competitive eksport kita merosot berbanding dengan barang-barang persaingannya daripada negara-negara pengeksport yang lain, terutamanya barang perkilangan. Pada masa yang sama keadaan ini meningkatkan lagi import negara. Di samping itu pula nilai ringgit yang tinggi menyebabkan pengeksport Malaysia melewati pertukaran hasil eksport mereka dan menyimpan dalam bentuk matawang asing di luar negeri.

Keadaan ini tidak menggalakkan pengaliran masuk modal hasil ke dalam negara. Walaupun Malaysia mengamalkan polisi kadar pertukaran terapung, namun terdapat kecenderungan Kerajaan untuk menyokong nilai ringgit apabila nilainya merosot sedikit sahaja. Ini melibatkan kos yang tinggi kepada negara. Kerajaan harus mengimbangkan dengan teliti terhadap langkah untuk membiarkan nilai ringgit merosot lebih rendah sedikit daripada masa-masa yang lepas sehingga ia menggambarkan nilai ringgit dan kadar pertukaran yang realistik dan selaras dengan keadaan ekonomi negara. Saya tidak menyarankan supaya Malaysia melakukan, dengan izin, devaluation nilai ringgitnya seperti yang dilakukan oleh salah sebuah negara jiran kita baru-baru ini.

Dengan membiarkan kadar pertukaran merosot kepada kadar yang ditentukan oleh kuasa penawaran dan permintaan terhadap ringgit di pasaran pertukaran asing, ini akan meningkatkan daya persaingan eksport

negara terutama barangan perkilangan di samping mengurangkan import barang-barang yang kurang perlu. Dari segi pelaburan asing, kejatuhan nilai ringgit ini akan menggalakkan aliran masuk modal dan keuntungan serta penempatan semula industri kerana pengukuhan matawang asing berbanding dengan nilai ringgit akan meningkatkan kos pengeluaran di negara-negara tersebut.

Walaupun langkah ini akan meningkatkan kos import barang-barang input terutama daripada negeri Jepun dan juga meningkatkan lagi nilai hutang luar dan khidmat bayaran dalam jangka pendek tetapi dari segi jangka panjang faedah yang bakal diperolehi, pertambahan eksport, peningkatan insentif, daya pengeluaran, pertambahan aliran masuk modal dan pengurangan import, adalah dijangka lebih besar dibandingkan dengan kos yang terlibat. Oleh sebab itu saya menyarankan supaya alat pertukaran asing ini dinilai dan dicuba dalam Belanjawan-belanjawan akan datang.

Berhubung dengan langkah untuk mengurangkan defisit dalam Akaun Perkhidmatan, Kerajaan perlu berusaha untuk mengurangkan pembayaran bersih pendapatan pelaburan ke luar negeri serta berusaha untuk mengurangkan pembayaran khidmat hutang luar negeri kerana kedua-dua butir ini merupakan faktor utama yang menyebabkan defisit dalam Akaun Perkhidmatan tetap berada pada tahap yang tinggi.

Langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan pelaburan asing melaburkan semula keuntungannya di Malaysia merupakan langkah jangka panjang yang sesuai. Kerajaan pula perlu berusaha untuk berunding dengan pihak-pihak yang memberikan pinjaman dari luar negeri supaya mereka menukar syarat pinjaman tersebut kepada pemilikan ekuiti dan

dengan ini akan dapat mengurangkan pembayaran khidmat hutang luar Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah gulungkan?

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Saya pergi kepada point yang terakhir sahajalah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Gulungkan dengan point yang terakhir itu.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, satu aspek yang menarik tentang Belanjawan tahun ini ialah usaha Kerajaan untuk menyesuaikan perancangan tahunan dengan perancangan jangka masa pertengahan dan jangka masa panjang, teknik yang jarang digunakan. Strategi dan langkah-langkah yang diambil banyak yang mempunyai kesan jangka panjang dan tidak seperti dalam Belanjawan-belanjawan yang lepas di mana masalah-masalah dalam jangka panjang cuba diselesaikan dengan langkah-langkah yang bersifat ad hoc, dengan izin, sahaja.

Belanjawan kali ini buat pertama kalinya menggunakan polisi upahan gaji, dengan izin, "wage policy" untuk mengurangkan saiz sektor awam di samping mengurangkan kos pengeluaran. Adalah diharapkan satu Polisi Buruh Kebangsaan yang meliputi aspek-aspek upah, gaji, pampasan, latihan, pemberhentian dan sebagainya digubal segera untuk mengelakkan pertikaian perindustrian dan pemogokan yang meningkat bilangannya dalam tempoh 7 bulan pertama tahun ini berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun lepas kerana ini akan menjejaskan iklim pelaburan.

Zaman perundingan gaji yang melibatkan kenaikan gaji dan upah yang tinggi dalam beberapa sektor yang berlaku pada masa-masa lepas

telah berakhir. Begitu juga dengan amalan kenaikan gaji melebihi daripada kadar inflasi juga tidak sesuai lagi kerana kadar inflasi adalah rendah oleh sebab upah perlu dikawal dan diselaraskan dengan tingkat pengeluaran sebenar supaya negara akan terus dapat bersaing di pasaran antarabangsa dalam jangka masa sederhana dan panjang.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong usul yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ipoh.

5.34 ptg.

Tuan P. Pato (Ipoh): Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar bahawa Belanjawan kali ini yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan pada 24hb Oktober adalah satu Belanjawan yang menggambarkan bahawa ekonomi negara kita sangat-sangat dalam keadaan buruk dan segala tindak-tanduk pihak Kerajaan adalah untuk memperbaiki keadaan yang sedia ada dan juga yang dianggap akan berterusan pada tahun-tahun akan datang, khususnya dalam tahun 1987.

Dalam membuat kajian Ucapan Belanjawan Menteri Kewangan dan juga buku-buku yang diedarkan termasuklah Laporan Ekonomi dan sebagainya, kita dapati bahawa satu "trend" yang terdapat dalam Belanjawan ialah peningkatan hutang negara, sama ada dalam negeri ataupun luar negeri dan juga perbelanjaan kita untuk membayar balik hutang negara. Saya boleh beri beberapa contohnya, Tuan Yang di-Pertua. Hasil kita telah merosot dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Hasil dalam tahun 1983 adalah dianggarkan \$18 billion dan pada tahun 1985 pula kita cuma dapat \$21 billion dan anggaran bagi tahun 1986 \$19 billion, tetapi anggaran-anggaran ini

tidak dapat dicapai apabila kita memandang kembali Laporan-laporan Ekonomi yang diedarkan oleh Perbendaharaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan anggaran hasil bagi tahun 1987, kita dapati bahawa hasil yang dianggar akan dikutip dalam tahun 1987 tidak mencukupi untuk membiayai Perbelanjaan Mengurus dan ini sungguh hairan apakala kita juga mendapati bahawa setiap ringgit yang diperolehi oleh Kerajaan sebagai hasil, 33.1 sen digunakan untuk membayar balik hutang negara. Ini adalah satu kadar yang agak tinggi dan sekiranya Kerajaan telah mengendalikan kedudukan kewangan kita dengan bijak dan, dengan izin, "prudent", maka kemungkinan kita tidak akan sampai ke tahap ini.

Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memegang teraju Kerajaan dalam bulan Julai tahun 1981, beliau menjaminkan bahawa satu Kerajaan yang amanah akan diberi kepada rakyat, dan pada ketika itu rakyat memang percaya kepada kata-kata itu yang sungguh manis dan dalam tahun 1982, dalam pilihanraya umum, satu kemenangan yang sungguh cemerlang diperolehi oleh partinya. Tetapi selepas itu apabila kita kaji dalam tempoh pentadbirannya sejak Julai 1981 sehingga sekarang, kita dapati peningkatan hutang negara dan juga kemerosotan hasil. Kerajaan sekarang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah mencapai tahap yang tinggi dalam bidang hutang negara, iaitu lebih kurang \$70 billion dan ini adalah dianggap pada hujung tahun 1986 di mana hutang dalam negeri, atau "domestic debts", dengan izin, \$45.16 billion manakala hutang luar negeri pula \$24.87 billion.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama ada pinjaman-pinjaman yang diperolehi adalah untuk

membiayai kesemuanya bagi projek-projek pembangunan, ataupun Kerajaan sudah sampai ke satu tahap di mana pinjaman perlu dibuat untuk, dengan izin, "house keeping". Kalau itu maknanya kita membuat pinjaman dan kita mencapai hutang negara yang begitu besar dan berat untuk dipikul, maka saya katakan pengurusan kewangan negara kita sudah hampir ke satu tahap yang patut dipersoalkan sama ada bijak atau tidak lagi.

Daripada angka-angka yang saya dapat perolehi dalam Dewan ini sewaktu menjawab soalan, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan telah mengatakan bahawa Kerajaan akan membayar balik hutang-hutang negara ini bagi tempoh 5 tahun akan datang dengan angka-angka seperti berikut: tahun 1986 beliau berkata \$7,264 million akan dibayar balik; tahun 1987—\$7,214 million; tahun 1988—\$8,188 million; tahun 1989—\$7,836 million dan tahun 1990—\$7,430 million. Bolehkah kesemua ini dapat dicapai? Itu tandatanya yang besar sebab apakala kita meninjau prestasi pada tahun-tahun yang lepas, semua anggaran yang dibuat sudah menjadi salah apabila kita melihat angka sebenar yang dicerminkan dalam Laporan Ekonomi pada tahun-tahun kebelakangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawannya mengatakan bahawa cuma \$5,973 million akan dibayar untuk menyelesaikan atau untuk membayar balik hutang, iaitu faedah dan juga pokoknya. Tetapi Timbalan Menteri Kewangan mengatakan bahawa untuk tahun 1987, \$7,214 million akan dibayar balik. Mana satu angka yang betul? Saya tidak faham. Saya sudah jadi keliru oleh kerana Menteri Kewangan kata \$5,973 juta tetapi Timbalan Menteri Kewangan kata \$7,214 juta. Mana satu yang betul? Saya menunggu Menteri Kewangan menjawab.

Tuan Yang di-Pertua, juga kita mendapati bahawa dalam tempoh pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri lebih dari lima tahun ini, pendapatan per kapita juga telah merosot dan inilah kali pertama apabila kita membuat purata hutang negara dengan jumlah penduduk dan apabila saya membuat analisa itu, saya mendapati bahawa dalam tahun 1975, sewaktu allahyarham Tun Razak menjadi Perdana Menteri, negara kita mempunyai penduduk seramai 10 juta, pendapatan per kapita ialah \$1,690 dan pembayaran balik hutang per kapita pada waktu itu adalah sebanyak \$1,115. Dalam tahun 1980, lima tahun kemudian, apabila jumlah penduduk menjadi 13.6 juta, pendapatan per kapita adalah \$3,650 dan pembayaran balik hutang per kapita ialah \$1,702. Dalam tahun 1981, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil alih teraju, jumlah penduduk ialah 13.85 juta, pendapatan per kapita dianggarkan pada kadar \$4,100 dan pembayaran balik terhadap hutang per kapita ialah \$2,247 bilamana hutang negara pada ketika itu adalah \$31.124 billion.

Dalam tempoh lima tahun iaitu pada tahun 1985, apabila keramaian penduduk dianggarkan pada 15.677 juta dengan pendapatan per kapita \$4,581, pembayaran balik terhadap hutang per kapita adalah \$4,075 dan pada ketika itu hutang negara ialah \$63.887 billion. Tetapi dalam anggaran yang kita dapati sekarang, iaitu bagi tahun 1986, keadaan ini sudah bertukar dari trend di mana pendapatan per kapita melebihi pembayaran balik hutang per kapita iaitu pembayaran balik per kapita sudah melebihi pendapatan per kapita. Saya ucapkan syabas ke atas pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri (*Tepuk*) yang dapat mematah balik trend yang begitu kekal selama ini, dan dalam pentadbirannya yang begitu cekap, amanah, bersih, trend ini sudah berubah di mana kita mendapati

pembayaran balik hutang per kapita melebihi pendapatan per kapita. Saya harap Menteri Kewangan boleh membuat penerangan terhadap keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati juga bahawa beberapa cadangan telah dibuat oleh Menteri Kewangan untuk mengatasi masalah-masalah ekonomi yang dihadapi khususnya kesulitan kewangan yang negara kita menghadapi.

Tuan Yang di-Pertua, majikan yang besar dalam negara ini adalah pihak sektor awam, Kerajaan sendiri. Kerajaan sendiri telah mencadangkan bahawa sesiapa yang memasuki pentadbiran awam tidak akan diletakkan dalam, dengan izin, pensionable establishment dan sesiapa yang belum mencapai tempohnya untuk ditetapkan dalam pensionable establishment, dengan izin, tidak akan ditetapkan. Saya rasa langkah ini tidaklah begitu sesuai sekali. Saya pun pernah juga bekerja di dalam sektor awam. Apabila seseorang memohon untuk mendapatkan kerja dengan sektor awam, salah satu perkiraan yang dibuat ialah pencen. Saya rasa tiada sesiapa pun boleh menafikan ini. Pencen ini dianggap sebagai satu, dengan izin, security, bagi setiap orang yang memohon untuk mendapat kerja dalam sektor awam. Tetapi security ini nampaknya sudah dirampak sekarang.

Kalau Yang Berhormat Menteri itu mengatakan bahawa untuk masa akan datang, sesiapa yang menyertai atau mendapat kerja dengan sektor awam tidak akan diberi pencen, itu barangkali boleh kita bincang. Tetapi apabila beliau mengatakan sesiapa yang belum lagi ditetapkan dalam pensionable establishment tidak akan ditetapkan walaupun dia sudah bekerja selama 9 tahun, saya rasa itu tidak elok dan tidak patut. Saya harap Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh menarik balik cadangan itu.

Kedua, bagi pekerja-pekerja yang akan diambil masuk di masa akan datang, beliau ada mencadangkan potongan KWSP. Saya rasa kadar potongan KWSP juga tidak sesuai dengan keadaan dan oleh kerana pihak Kerajaan sendiri menjadi majikan terbesar dalam negara ini, saya mencadangkan bahawa bayaran KWSP yang sedia ada iaitu 11% bagi majikan dan 9% bagi pekerja, diubah supaya 11% yang dibayar oleh majikan dinaikkan kepada 15%; iaitu pihak Kerajaan sendiri membayar 15% dan pekerja kekal dengan 9%. Juga saya ingin mempersoalkan beberapa perkara bersabit dengan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah habis.

Tuan P. Patto: Boleh saya gulung perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua: Sila gulung.

Tuan P. Patto: Saya cuma hendak bertanya, adakah sesiapa yang bekerja dengan sektor awam, kalau ingin melepaskan kerjanya, mendapat kerja dalam sektor swasta dan selepas itu kembali ke sektor awam. Bolehkah mereka ini dibenarkan berbuat demikian sepertimana boleh dibuat dalam sektor swasta? Itu pertanyaan saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pagoh.

5.48 ptg.

Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang menyertai perbincangan mengenai.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, jangan buat bunga-bunga, sudah tiada masa hendak buat bunga-bunga.

Tuan Ahmad bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mewakili rakyat khasnya di kawasan Parlimen Pagoh mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan Belanjawan yang telah dibentangkan. Saya yakin bahawa Belanjawan ini telah dirancang dengan mengambil kira beberapa faktor utama khususnya dari segi memulihkan semula ekonomi dan mengukuhkan kedudukan kewangan negara. Oleh itu kita harus menerima hakikat bahawa Belanjawan bagi tahun 1987 memerlukan pengorbanan setiap rakyat, langkah berjimat-cermat dan usaha yang bersungguh-sungguh untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan.

Pada keseluruhannya strategi Belanjawan ini adalah wajar dan bersifat membela rakyat khasnya golongan miskin yang majoritinya di luar bandar. Strategi Belanjawan 1987 adalah strategi Belanjawan ke arah matlamat jangka panjang yang kita yakin akan dapat menggalakkan pertumbuhan ekonomi dengan sederhana dan stabil. Berdasarkan kepada prestasi yang lembab dalam pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara tahun 1986, wajar dan seharusnya Kerajaan menyusun strategi yang innovative dan creative, dengan izin, bagi menjamin keadaan yang lebih buruk tidak akan berlaku dan dialami terutama dari segi kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), pendapatan eksport negara, pendapatan per kapita, defisit akaun semasa, imbalan pembayaran, kadar pengangguran dan hasil Kerajaan.

Strategi Belanjawan 1987 yang mengutamakan pengurangan peranan sektor awam di dalam ekonomi dan memperkukuhkan kedudukan kewangan negara, galakan pertumbuhan eksport serta pengurangan import untuk memperbaiki imbalan pembayaran dan membaiki suasana pelaburan untuk memperkembangkan pelaburan

swasta dan meningkatkan keyakinan pihak swasta adalah satu langkah positif dan komprehensif yang memerlukan tindak balas dan penyertaan serta penglibatan yang seimbang untuk sektor awam dan sektor swasta sama ada dari dalam atau luar negeri.

Kesan kemelesetan ekonomi dunia yang dirasai secara mengejut mulai 1983 terus berlarutan. Zaman mewah tahun 1980 sudah berlalu. Kita semuanya seharusnya bersikap bertanggungjawab dan berusaha meningkatkan daya pengeluaran. Hanya penjimatan belanja dan daya pengeluaran yang tinggi yang menjadi ubat kepada ekonomi yang meleset. Dengan pengurusan kewangan negara yang lebih berhati-hati sahajalah di harap kedudukan kewangan kita akan menjadi lebih sihat, berbanding dengan kedudukan kewangan hampir semua negara membangun di rantau ini bahkan di dunia.

Berdasarkan kepada ramalan berkurangnya hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1987 sebanyak 5.9% iaitu dari \$19,158 juta dalam tahun 1986 kepada \$18,021 juta maka bersesuaianlah cadangan Yang Berhormat Menteri Kewangan dengan memperuntukkan sejumlah \$27,412 juta bagi Belanjawan 1987 dan dipecahkan untuk Perbelanjaan Mengurus sebanyak \$20,739 juta dan bagi Perbelanjaan Pembangunan sebanyak \$6,673 juta.

Setiap rakyat yang cintakan negara ini tidak mahu melihat negaranya mufliis dan menanggung beban hutang yang berterusan yang boleh membawa penjajahan secara tidak langsung atau neokolonialisme. Berdasarkan kepada faktor ini patutlah kita menerima langkah drastik Kerajaan dengan hati terbuka demi untuk mengelakkan berlakunya defisit akaun semasa dengan lebih lama lagi.

Negara Malaysia adalah sebuah negara di mana 50% KNK bergantung kepada perdagangan dengan negara-negara lain. Dengan kemerosotan permintaan dari negara-negara maju maka tidak dapat tidak pendapatan dari dagangan akan berkurangan. Kurangnya perdagangan mengurangkan pula hasil yang diperolehi oleh Kerajaan dari cukai eksport, cukai pendapatan serta lain-lain cukai. Jika kita ingin meneruskan juga perbelanjaan biasa tidak dapat tidak kita mesti berhutang. Namun Kerajaan patut berhutang hanya kerana membina projek penting yang mendatangkan hasil kepada Kerajaan dan bukan berhutang Belanja Pengurusan atau recurrent expenditure, dengan izin, seperti gaji, pencen dan lain-lain.

Pihak-pihak yang tidak berpuas hati dan meragui kejujuran Kerajaan atas alasan kepentingan mereka sendiri lantas berusaha pula menimbulkan suasana kurang keyakinan di kalangan rakyat terhadap Kerajaan, tidak akan mendapat sebarang faedah bahkan mereka dan rakyat akan rugi. Sebarang bentuk penentangan atau ugutan dari pekerja hanya memburuk dan merosakkan ekonomi negara. Hanya pihak-pihak yang tidak mahu memahami aspirasi Kerajaan dan ingin melemahkan Kerajaan sahajalah yang akan berusaha mengecam Belanjawan ini. Sudah tentu kita yang sayang dan cintakan negara ini tidak ingin melihat negara ini diragui oleh para pelabur dari dalam dan luar negeri dan seterusnya menjejaskan kutipan hasil serta pelaksanaan projek-projek pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah cadangan Kerajaan bagi mengurangkan defisit keseluruhan Belanjawan Kerajaan Persekutuan seharusnya disambut baik. Namun begitu bagi menjamin keberkesanan beberapa langkah ini, suka saya mencadangkan supaya beberapa aspek

tertentu di dalam pelaksanaannya diteliti dan dikaji dari segi kesan dan beban yang menentukan prestasi dan mutu kerja.

Pertama, kadar faedah atas pinjaman perumahan dan pinjaman kereta kakitangan Kerajaan kepada 6% daripada 4% patutlah diteliti dan dikaji semula dengan menimbang dan mengeneipkan mereka yang telah beroleh pinjaman supaya tidak terjejas dari segi perkiraan pendapatan yang mereka telah dirancangan terlebih awal. Pertimbangan ini seharusnya berdasarkan kepada kesannya terhadap insentif dan motivasi untuk bekerja serta sejauh mana ia boleh menjejaskan sikap bersih, cekap dan amanah dalam pekerjaan.

Tempoh pembayaran balik pinjaman ini juga harus dikaji semula supaya satu jangka masa yang lebih panjang diberi untuk mengurangkan bebanan dan tanggungan semasa.

Kedua, syarat-syarat kelayakan mendapat pinjaman perumahan Kerajaan yang lebih ketat untuk mengurangkan beban kewangan Kerajaan tidak seharusnya menjadi begitu sulit sehingga ianya boleh menjejaskan keinginan dan hasrat mereka yang ingin meminjam. Peruntukan \$1.5 ribu juta untuk Skim Pinjaman Perumahan bagi pekerja-pekerja awam adalah dialu-alukan.

Keutamaan Kerajaan kepada program pembinaan rumah-rumah kos rendah perlu juga dititikberatkan dari segi:

- (1) penyelesaian ruang rumah;
- (2) mutu binaan;
- (3) kemudahan sosial;
- (4) perparitan dan jalanraya; dan
- (5) keselamatan.

Kerap kali berlaku masalah "rumah sudah, pahat berbunyi". Perhatian harus diberikan supaya pembinaan

rumah-rumah ini diseimbangkan dengan pembangunan prasarana dan perparitan supaya keadaan kesesakan jalan dan banjir-banjir kilat yang mengejut dan membahayakan tidak sering terjadi.

Langkah-langkah Kerajaan menempatkan Bahagian Industri Kecil dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ke Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar adalah sesuai dengan langkah penjimatan kos pengurusan dan meningkatkan kesan serta kecekapan kerja. Langkah ini harus diteruskan dan diharap Kerajaan memberi tumpuan utama ke arah mengelakkan pertindihan fungsi beberapa agensi yang diwujudkan di Kementerian-kementerian seperti Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Kementerian Pertanian, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan Kementerian Perusahaan Awam. Dengan langkah ini kita harap rancangan Kerajaan meningkatkan taraf kehidupan, ekonomi dan sosial penduduk luar bandar dengan peruntukan sebanyak \$4,469 juta tidak membazir begitu sahaja dan mencapai matlamat sasaran iaitu ke arah pencapaian matlamat "serampang dua mata" Dasar Ekonomi Baru.

Dalam memajukan tanah-tanah pertanian di luar bandar, saya suka mencadangkan supaya konsep mini-estate, dengan izin, dan ladang berkelompok dijadikan penggerak utama. Konsep ini sewajarnya dilaksanakan bagi pembangunan tanah yang tidak ekonomik, pemulihan tanah terbiar dan kawasan tanah baru. Melalui program bersepadu ini akan dapat diwujudkan sistem pertanian yang mempunyai cara pengurusan dan kaedah pertanian, perladangan yang moden dan menghasilkan pengeluaran yang tinggi secara komersial terutama untuk tanaman makanan, ternakan dan buah-buahan.

Kerajaan juga harus menjadikan MARDI (Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia) sebagai sumber penghasilan penyelidikan benih-benih tanaman dan kaedah pertanian yang bermutu tinggi bukan sahaja untuk memenuhi kehendak penyelidikan semata-mata tetapi untuk disebarkan seluas-luasnya melalui saluran iaitu network, dengan izin, yang betul dan luas supaya sampai kepada matlamat sasaran iaitu petani-petani.

Bagi menentukan kejayaan bidang pertanian ini, MARDI seharusnya benar-benar wujud sebagai institusi penyelidikan dan pembangunan pertanian, research and development, dengan izin, yang sentiasa bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi seperti Universiti Pertanian Malaysia, Universiti Malaya dan lain-lain yang boleh membantu memesatkan lagi bidang penyelidikan dan pembangunan dengan adanya input, dengan izin, sumbangan fikiran dan tenaga kepakaran mereka di pusat-pusat pengajian tinggi. Dan soal pokok dalam pembangunan tanah ialah sejauh manakah petani-petani ini boleh memperolehi tanah-tanah dari pihak Kerajaan Negeri khasnya tanpa melalui proses pembaziran birokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, kakitangan awam yang baru dan yang belum ditempatkan dalam jawatan berpencen dikehendaki mencarum kepada KWSP. Dengan cara ini menghilangkan anggapan jawatan di sektor awam sebagai satu-satunya yang cemerlang iaitu berglamour, dengan izin, dan menjadi tumpuan dan perlumbaan ramai. Cara ini juga diharap akan menarik lebih ramai orang bekerja di sektor swasta sama ada di sektor perindustrian dan juga pertanian. Cuma apa yang diharapkan caruman mereka kepada KWSP itu harus diperbagaikan faedahnya mengikut keperluan semasa bagi kegunaan-kegunaan tertentu seperti

pinjaman perumahan dan lain-lain pelaburan termasuk pelajaran.

Dalam melaksanakan Dasar Pensewastaan, Kerajaan haruslah memastikan supaya pemindahan monopoli awam kepada swasta tidak menimbulkan masalah terutama dari segi keperluan pengguna dan juga dijaga dari segi faedah kakitangan yang telah berkhidmat dengan Kerajaan. Yang penting ialah apabila menswastakan sesuatu projek, kita harus menswastakan perkhidmatan-perkhidmatan yang mempunyai faedah komersial dan permintaannya bertambah supaya pembuangan kerja tidak timbul yang memburukkan keadaan pengangguran di dalam negara ini.

Saya juga mencadangkan supaya Kerajaan meningkatkan hubungan dagangan dan pasaran di luar negeri melalui kegiatan yang lebih aktif oleh Bahagian Counter Trade, dengan izin, di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Kegiatan-kegiatan ini boleh dilakukan sama ada di peringkat Kerajaan ataupun pihak-pihak swasta atau usahawan dengan negara-negara yang terlibat untuk menjadikan rakan perdagangan. Fungsi dan tugas Bahagian Counter Trade, dengan izin, di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini, setakat ini tidak begitu luas difahami. Sekiranya ia dipergiatkan, sudah tentu ia dapat membantu mencari pasaran dagangan di luar negeri untuk beberapa barangan seperti alat-alat perabot, barang-barang makanan dan lain-lainnya.

Bagi menambahkan hasil dan mengurangkan kesan buruk ke atas kesihatan, saya menyokong kenaikan cukai jualan ke atas rokok dan minuman keras. Kenaikan dari 10% kepada 50% saya rasa masih di kadar yang rendah berdasarkan langkah mengurangkan kesan buruk ke atas kesihatan. Oleh itu, saya mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Boleh gulung.

Tuan Ahmad bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya akan menggulung. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Kerajaan mengkaji semula untuk kemungkinan menaikkan kepada kadar 10%, bukan 5% sahaja.

Di bidang industri pelancongan seharusnya ia mendapat keutamaan pada waktu ini. Saya berharap supaya semua Kerajaan-kerajaan Negeri juga patut memberi keutamaan dalam bidang pelancongan sekiranya kita ingin menggalakkan rakyat melancong dalam negeri sendiri dan juga untuk menarik lebih ramai pelancong luar melancong di dalam negeri ini. Sebagai contoh, daripada 3 juta pelancong yang ke Singapura setiap tahun harus diambil kesempatan untuk dibawa ke Johor sebagai sebahagian infrastruktur pelancongan Singapura yang juga menguntungkan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kunci kepada keberkesanan Belanjawan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu bukan gulung.

Tuan Ahmad bin Omar: Ini yang akhir, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Gulung itu makna gulunglah.

Tuan Ahmad bin Omar: Kunci kepada keberkesanan Belanjawan 1987 ini adalah terletak kepada kita semua, sejauhmana kita sanggup untuk sama-sama menghadapi kemelesetan ekonomi dan membantu memulihkannya. Oleh itu perpaduan nasional amatlah perlu bagi menghadapi cabaran ini yang saya fikir menjadi ujian yang sebenarnya di atas semangat pengorbanan dan kecintaan kita kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul Belanjawan Tahun 1987.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

6.05 ptg.

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tuan Yang di-Pertua, dalam Ucapan Belanjawannya Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah membentangkan statistik-statistik penting tentang keadaan ekonomi. Dalam tahun 1986, defisit baki pembayaran dijangka lebih buruk hingga ke \$3.2 billion. GDP dijangka naik hanya pada kadar 0.5%, GNP dijangka merosot sebanyak 8.1%, pendapatan per kapita dijangka jatuh sebanyak 15.7% dan sebagainya. Statistik-statistik penting ini memberi kesan yang mendalam pada setiap orang yang mendengar ucapan beliau termasuk yang mendengarnya menerusi radio dan televisyen.

Kami sedia diberitahu bahawa ekonomi berada dalam keadaan yang buruk, tetapi tidak menjangka begitu buruk sekali. Soal yang nyata dalam fikiran setiap orang ialah bagaimana ekonomi negara berada dalam keadaan sekarang. Kita boleh berdebat hingga gelap, kita boleh menyalahkan orang lain, kita boleh menyalahkan diri kita sendiri atau kita boleh menyalahkan orang lain dan diri kita sendiri. Akhirnya kita masih perlu mencari penawar bagi mengubati ekonomi kita.

Izinkan saya merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian di Parlimen ini agar membuat tumpuan sebenarnya. Kini pengangguran semakin meningkat, pendapatan per kapita merosot dan penderitaan orang-orang miskin semakin bertambah. Adalah menjadi tanggungjawab kita memberi keutamaan kepada tugas menyelamatkan ekonomi negara. Marilah kita tangguhkan sebarang

keinginan yang mungkin ada pada kita bagi mengeksploitasikan keadaan ekonomi sekarang untuk tujuan politik.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menggariskan strateginya bagi menghidupkan kembali ekonomi. Pertama, kurangkan peranan sektor swasta dalam ekonomi. Kedua, kurangkan import dan tingkatkan eksport dan ketiga, luaskan peranan sektor swasta dalam ekonomi. Ya, ini adalah satu strategi common sense, satu strategi akal budi. Tetapi common sense atau akal budilah yang kita perlukan di masa krisis ini. Izinkan saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan atas keberanian beliau mengaku secara memberi bayangan bahawa adalah satu kesilapan bagi kerajaan campur tangan secara mendalam dalam ekonomi. Kita sedang mempelajari apa yang dipelajari oleh negara-negara lain sebelum kita bahawa perusahaan awam adalah kurang cekap daripada perusahaan swasta. Sewajarnya seseorang boleh berdebat bahawa kita perlu tunggu lama-lama dan menanggung kerugian yang besar untuk mempelajari darinya. Tetapi seperti kata pepatah "Lebih baik lewat dari tidak".

Tindakan yang diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan saiz peranan sektor awam dalam ekonomi dan mengukuhkan kedudukan adalah langkah-langkah tepat. Malangnya ia tidak diteruskan dengan giatnya mengikut kehendak keadaan. Izinkan saya menggesa Kerajaan agar menyegerakan pengunduran dari ekonomi ini. Ambil contohnya Agensi-agensi di Luar Belanjawan dan anak-anak syarikatnya yang kerugian wang. Kurangkan kerugian, swastakan tanpa langkah-langkah lagi. Sekiranya tidak ada yang mengambilnya, tutupkan sahaja.

Izinkan saya mengucapkan tahniah juga kepada Yang Berhormat Menteri

Kewangan atas kebijaksanaan beliau menegaskan keperluan memajukan eksport baru bergantung kepada beberapa komoditi utama seperti timah, getah dan kelapa sawit telah membuat kita berasa puas atau complacent. Walaupun terdapat kejatuhan harga komoditi utama ini di pasaran dunia masih ada orang yang mempercayai bahawa timah, getah dan kelapa sawit mempunyai masa depan yang cerah. Kita juga berharap harga yang baik, tetapi jangan mempercayai harapan demikian, jangan hidup dalam hayalan.

Untuk terus hidup kita perlu realistik, kita harus mencari pasaran dengan usaha gigih dan mengeluarkan barangan yang diperlukan oleh pengguna dunia. Di manakah pasaran baru ini? — kita mungkin bertanya demikian. Ada ahli-ahli perniagaan terutamanya ahli-ahli perniagaan yang begitu manja di masa-masa lalu yang mengharapkan Kerajaan akan mengambil dan membimbing mereka ke pasaran-pasaran baru itu.

Saya hanya memperkatakan bahawa pasaran itu adalah terbuka luas, di dunia yang luas ini. Ahli perniagaan harus menggunakan.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun. Minta apa, jalan atau penjelasan?

Dr Tan Seng Giaw: Minta penjelasan!

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan! Hendak beri jalan?

Dr Goh Cheng Teik: Saya tidak beri.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri.

Dr Goh Cheng Teik: ahli perniagaan yang harus menggunakan kebijaksanaan mereka sendiri.

Kerajaan hanya dapat menyediakan insentif bagi menggalakkan mereka melabur di luar.

Dalam analisa terakhir, Tuan Yang di-Pertua, segala usaha bagi menyelamatkan ekonomi dan menahan kemerosotan taraf hidup rakyat kita tidak akan mencapai kejayaan, jika tidak dapat mengekalkan perpaduan negara dan kestabilan politik.

Malaysia adalah sebuah negara berbilang kaum, setiap kaum dengan cara hidup dan kepercayaan sendiri, tegas Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapannya, tetapi kita semua adalah rakyat Malaysia, kita dan anak-anak kita ingin nafkah dan berteduh. Oleh yang demikian kita semua harus mencintai negara ini meletakkan kepentingan negara atas segala-galanya.

Tuan Yang di-Pertua, janganlah kita cuba bergaduh antara satu sama lain, jauh sekali janganlah kita ahli-ahli politik melagakan antara satu kaum dengan kaum yang lain tanpa sebab tertentu. Ambil contohnya kontroversi semasa mengenai siapa pendatang dan siapa bukan. Semuanya tidak perlu, commonsence atau akalbudi memberitahu kita bahawa memang tidak ada kontroversi. Mendiang datuk dan nenek saya yang datang dari Wilayah Fukien, China adalah pendatang. Ini adalah satu hakikat sejarah yang tidak dapat dinafikan. Bapa saya, saya sendiri dan anak-anak saya lahir di Malaysia, kami juga bercadang mati di negara ini, kami bukan orang pendatang, kami adalah orang Malaysia (*Tepuk*).

Izinkan saya menasihati ahli-ahli politik yang benar-benar mengambil berat maruah bangsa Cina untuk menaikkan kemarahan pada sasaran yang tepat. Musuh sebenar orang Cina di Malaysia bukanlah orang Melayu, tetapi beberapa orang Cina

yang pandai menipu orang Cina yang miskin (*Tepuk*), berjuta-juta, berpuluh-puluh juta, beratus-ratus juta dan beribu-ribu juta ringgit, nelayan, peladang, pekerja, peniaga kecil dan lain-lain yang malang ini, bukan sahaja kehilangan wang simpanan untuk pendidikan anak-anak mereka atau untuk belanja tuamala. Dalam beberapa hal wang keranda (*coffin money*) mereka juga turut hilang. Jika atas beberapa sebab ahli-ahli politik ini tidak mahu mengutuk manipulators pasaran saham ini atau Share Market Manipulators, pengambil deposit yang tidak bertanggungjawab atau unscrupulous depositors dan pembelot-belot yang lain. Mereka sekurang-kurangnya tidak menganggap mereka ini sebagai pahlawan, bangsa lain memandang rendah kepada bangsa Cina apabila melihat beberapa orang Cina menganggap penjahat (*villains*) seperti pahlawan (*heros*).

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, kaum-kaum di negara ini telah membantu membina Malaysia sebagai sebuah negara yang stabil dan maju dengan potensi pertumbuhan yang cerah, janganlah kita membuat sebarang jenayah atas sesuatu kaum, sebaliknya marilah kita bersatu-padu sebagai adik-beradik dalam satu keluarga Malaysia dan hadapi cabaran ekonomi di hadapan kita, *God willing we shall overcome*. Insya Allah, kita akan dapat mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Balik Pulau.

6.17 ptg.

Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1987 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini, adalah merupakan

Belanjawan yang tidak membebankan rakyat jelata, kecuali kepada golongan yang tertentu sahaja. Usaha-usaha Kerajaan bagi meneruskan pertumbuhan ekonomi negara adalah dialu-alukan, walaupun dalam tempoh yang agak lama untuk memulihkannya. Namun demikian, kita boleh berbangga, kerana Kerajaan telah berjaya berbagai masalah untuk keteguhan dan kestabilan politik. Kestabilan politik dan keselamatan adalah diperlukan oleh semua anggota masyarakat majmuk, agar dapat hidup dengan keadaan selamat dan bahagia.

Kita boleh berasa bangga kerana hidup dalam sebuah negara yang aman sejahtera jika dibandingkan dengan negara-negara lain di rantau ini. Kini perpaduan sudah terancam kerana disalahtafsir yang dilakukan oleh setengah-setengah golongan yang tertentu, hal ini tidak boleh dibiarkan berpanjangan.

Dasar Ekonomi Baru yang dilahirkan berasaskan kepada keinsafan betapa perlunya diwujudkan negara Malaysia yang makmur, adil dan bersatupadu, dengan berteraskan asas yang kukuh. Penyertaan orang-orang Melayu dalam bidang perdagangan dan perindustrian adalah jelas dalam matlamat Dasar Ekonomi Baru bukan sahaja merupakan janji Kerajaan yang mesti ditunai dan ditepati malah ianya adalah merupakan amanah rakyat kepada Kerajaan dan itulah yang ditunggu-tunggu oleh bangsa Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, prestasi ekonomi terjejas, berikutan kemelesetan ekonomi dunia. Ekonomi negara yang sebahagian besarnya bergantung kepada perdagangan antarabangsa serta harga barangan semakin merosot, adalah memberi kesan yang negatif kepada Malaysia. Oleh itu, usaha-usaha perlu dibuat bagi memperbiaki mutu keluaran negara dengan mengadakan penyelidikan dan

pembangunan yang teratur. Kerajaan hendaklah mengekalkan kedudukan jangka panjangnya yang strategik dalam pasaran getah, minyak kelapa sawit, begitu juga barangan eksport yang lain. Kita hendaklah menoleh ke belakang melihat perkara-perkara yang berlaku, di samping menilai, kemajuan yang dicapai dan membuat pengkajian akan prospek pembangunan negara masa kini, yang telah banyak dipertikaikan.

Tuan Yang di-Pertua, teras pertumbuhan pembangunan, hendaklah diambilkira serta memandang akan masalah-masalah sumber yang terbatas lagi tidak seimbang itu, strategi pertumbuhan yang disertakan dengan kestabilan, tanpa membuat pinjaman secara berleluasa hendaklah dikaji semula. Bagi maksud ini Kerajaan hendaklah berusaha dengan lebih gigih bagi menambah tabungnya dalam negeri serta menarik pelaburan asing dengan menawarkan beberapa kelonggaran dan kemudahan lain, dengan bertujuan bagi menarik lebih ramai pelabur asing, menanam modal, di sekitar pembuatan yang menggunakan tenaga buruh yang banyak tanpa persaingan dengan pengusaha tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1987 memanglah merupakan belanjawan yang agak sederhana. Kini sudah sampai waktunya, bagi Kerajaan mengambil satu-satu langkah dan tindakan yang perlu bagi mengelakkan negara ini menghadapi krisis kewangan. Berjimat adalah dikehendaki oleh Islam dan bersesuaian dengan penerapan nilai-nilai Islam, di mana sebarang usaha hendaklah secara sederhana. Berjimat adalah bagi menentukan, setiap ringgit yang dibelanjakan itu akan memberi manfaat kepada semua golongan.

Peruntukan perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1987, sejumlah \$6,673 juta yang disediakan

itu sebanyak \$4,469 juta atau dua pertiga daripada jumlah asal untuk perbelanjaan pembangunan yang bertujuan meningkatkan taraf kehidupan ekonomi, dan sosial penduduk di luar bandar selaras dengan objektif Dasar Ekonomi Baru iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dengan menitik beratkan kepada infrastruktur bagi pembangunan. Dengan usaha dan meneruskan pembinaan jalan-jalanraya, bekalan air, elektrik dan lain-lain kemudahan asas, sudah sewajar dan kena pada tempatnya di mana mereka ini masih belum menikmati kemudahan-kemudahan tersebut. Lagi pula penduduk-penduduk di luar bandarlah, merupakan pengundi utama yang menyokong Barisan Nasional dan menolak PAS serta DAP dan lain-lain parti. Malah perjuangan Barisan Nasional ialah untuk membasmi atau mengurangkan jurang kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan Dasar Pertanian Negara, sektor pertanian hendaklah dipergiatkan bagi meningkat pendapatan petani-petani, nelayan-nelayan dan pekebun-pekebun kecil, hendaklah dijadikan sumber pekerjaan yang produktif yang akan memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi. Oleh itu, Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi Kerajaan yang mengendali dan bertanggungjawab kepada pembangunan pertanian, hendaklah berusaha dengan lebih gigih, bagi meningkatkan daya penghasilan petani-petani. Pengeluaran padi merupakan salah satu sumber mata pencarian bagi petani di kawasan utara Semenanjung iaitu Kedah dan Perlis, begitu juga daerah Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah serta sebahagian kecil dari Daerah Barat Daya, iaitu di Balik Pulau serta Seberang Perai Selatan, adalah kawasan penanam padi di Pulau Pinang. Apa yang menjadi masalah

sekarang ini, tanah-tanah sawah tersebut telah menjadi tanah terbiar yang dianggapan seluas lebih kurang 7,500 hektar dan mungkin akan menjadi lebih banyak lagi jika tidak diambil tindakan segera dan diatasi.

Dalam usaha pembangunan kawasan-kawasan tanah baharu yang dijangka seluas 73,600 hektar yang akan diteroka atau dimaju yang akan memberi faedah kepada 6,000 keluarga peneroka FELDA hendaklah memberi perhatian agar pengambilan peneroka itu diberi peluang kepada penduduk-penduduk Pulau Pinang yang mana dahaga untuk menjadi peneroka, saya percaya banyak sedang menunggu giliran mereka. Pulau Pinang tanahnya terhad, tidak seperti di negeri-negeri lain di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, usaha FELCRA, untuk memulihkan tanah-tanah terbiar yang ada di Pulau Pinang disambut baik. Adalah diharap agar usaha-usaha itu dapat disegerakan terutama di kawasan Balik Pulau yang begitu lama telah membuat kajian. Kerajaan telah banyak menubuhkan badan-badan berkanun seperti KEJORA di Johor, KETENGAH di Terengganu, KESEDAR di Kelantan, manakala Pulau Pinang pula dikenali dengan PERDA. PERDA ditubuhkan pada tahun 1983 bertujuan untuk mempercepat pembangunan kawasan luar bandar yang jauh ketinggalan dalam berbagai segi. Orang Melayu di Pulau Pinang menaruh harapan dan bergantung penuh kepada PERDA bagi melaksanakan berbagai projek yang boleh memberi faedah kepada orang Melayu menikmati yang tinggal di luar kawasan Kosmopolitan.

Tuan Yang di-Pertua, pengambilan tanah adalah menjadi masalah kepada PERDA, kerana pihak Perbendaharaan telah memberi arahan, agar pengambilan tanah yang

diperlukan oleh PERDA itu tidak melebihi harganya dari \$2.50 sekaki persegi. Oleh itu, saya berharap supaya pihak Perbendaharaan dapat memberi kelonggaran, jika tidak PERDA akan gagal melaksanakan tanggungjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan sebanyak \$90 juta kepada Bank Pertanian untuk rancangan tersebut supaya diberi perhatian kepada nelayan-nelayan di Pulau Pinang yang telah bertahun-tahun memohon pinjaman mereka tetapi masih belum yang berjaya. Penangkapan ikan, adalah merupakan satu daripada punca pendapatan kepada nelayan-nelayan di luar bandar yang tinggal di kawasan pantai. Menyentuh mengenai ini, Kementerian Pertanian adalah diharap supaya membuat kajian akan baik buruknya pukat jengka dan bot atau apollo yang lesen sedang dikeluarkan di setengah-setengah negeri sekarang ini. Apakah Kementerian Pertanian yang bertanggungjawab kepada nelayan dan petani itu, suka melihat pergaduhan dan persengkitaan di antara nelayan sama nelayan kerana pencerobohan rezeki yang dicari oleh mereka dan masalah ini sering berlaku kepada nelayan-nelayan di Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan bagi pelajaran, di mana sebahagian besar daripada perbelanjaan 1987, sekalipun negara mengalami kemelesetan ekonomi masih berkemampuan bagi membina bilik-bilik darjah, makmal dan perpustakaan. Kemudahan pelajaran yang ada di luar bandar, hendaklah diberi perhatian. Penambahan murid-murid berlaku di mana-mana sahaja, oleh itu bangunan sekolah yang ada sekarang sudah tidak mencukup lagi, walaupun sebuah darjah maksimum murid-murid seramai 50 orang. Bilangan murid-murid di dalam kelas, patut dibuat kajian semula dengan

sistem KBSR yang mana mementingkan pengajaran berkumpulan.

Pengagihan guru-guru sekolah rendah dan menengah hendaklah disusun semula supaya tahap pencapaian pelajaran di luar bandar seimbang dengan pencapaian di sekolah-sekolah dalam bandar. 9 buah sekolah vokasional yang dirancangan bagi tahun 1987 itu hendaklah sebuah darinya didirikan di Pulau Pinang. Sekolah vokasional ini hendaklah mata pelajaran dengan menitikberatkan kepada elektronik. Bersetujuan dengan negeri Pulau Pinang adalah kawasan perusahaan yang mengeluarkan alat-alat elektronik. Oleh itu, adalah dirasa amat sesuai sekiranya sekolah vokasional tersebut segera didirikan bagi menampung pertumbuhan pelajar-pelajar yang perlu dalam bidang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan janganlah hanya mengambil kira jumlah unit yang dapat dilaksanakan malah perlu diberi perhatian mengenai mutu sesebuah rumah tersebut. Masalah rumah berkaitan dengan masalah kemiskinan adalah dirasakan bahawa perancangan teliti hendaklah diberi bagi mengatasi masalah supaya rungutan dan rasa tidak puas hati tidak lagi berbangkit seperti parit, jalanraya tidak sempurna, retak di sana sini. Mengikut bancian penduduk dan perumahan 1980 sejumlah 163,000 unit dari semua jenis tempat kediaman di seluruh Pulau Pinang adalah diperlukan. Dari jumlah tersebut sebanyak 86,510 adalah untuk di luar bandar. Kini Pulau Pinang memerlukan setiap tahun 5,000 unit rumah. Sehubungan dengan ini, Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) hendaklah mencari

penyelesaian yang agak segera bagi memindahkan atau menempatkan penduduk-penduduk Tanjong To'kong ke Rumah Pangsa 5 Blok 16 Tingkat dan 5 Blok 5 Tingkat itu.

Tuan Yang di-Pertua, kesihatan adalah mustahak kepada semua rakyat tidak kira ianya tinggal di luar bandar ataupun di dalam bandar. Perkhidmatan Hospital Besar Pulau Pinang yang sekian lama tersadai dengan cerucuk sejak tahun 1982 itu hendaklah diteruskan semula kerana wad-wad pesakit yang ada sekarang ini sudah tidak mencukupi dan tidak berkeupayaan bagi menempatkan pesakit-pesakit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Oleh sebab banyak lagi, esok boleh sambung.

Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab ramai lagi Ahli-ahli yang hendak berucap, esok saya akan membenarkan satu setengah jam lagi untuk Ahli-ahli Yang Berhormat berucap (*Tepuk*). Hanya saya minta, janganlah panjang-panjang sangat dan janganlah dalam ucapan itu mempunyai perkataan-perkataan yang tidak memberi guna ataupun berbunga-bunga sangat. Jikalau sekiranya kita pergi straight to the point, dengan izin, (*Ketawa*) maka kita boleh mengeluarkan fikiran-fikiran kita di dalam masa yang singkat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Mesyuarat ini hingga pukul 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.